

Jilid IV
Bil. 5



Hari Jumaat
11hb April, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 633]

USUL:

Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 [Ruangan 704]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BENEDICT STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan—Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN NG CHENG KIAT (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ Lt. Kol (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI HAJI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN CHAN CHOONG TAK (Dilantik).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI DATIN JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.M., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN RAJOO A/L DESARI *alias* GOVINDASAMY (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD, (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
,, TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).
,, TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
,, TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
,, TUAN WONG YAU KET (Sabah).
,, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar.
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.
Penyunting Kanan: P. B. Menon.
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Jumaat, 11hb April, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua, *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

JAMBATAN PULAU
PINANG/FERI—
PENYAMAAN TOL/
TAMBANG

1. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menyamakan sama rata kadar harga tambang feri dan tol bagi motokar dan lori yang hendak menyeberangi jambatan Pulau Pinang kerana terdapat pada masa ini perbezaan pembayaran motokar dan lori apabila melalui feri dan tol jambatan Pulau Pinang; dengan perbezaan ini terdapat amat kurang orang menggunakan jambatan Pulau Pinang dan jika ada cadangan bila dan jika tidak mengapa.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian saya tidak ada cadangan untuk meyamakan sama rata kadar harga tambang feri dan tol bagi motokar dan lori yang hendak menyeberangi Jabatan Pulau Pinang. Ini adalah kerana sungguhpun pada hakikatnya adalah terdapat perbezaan

di antara kadar-kadar tol dengan tambang feri itu, tetapi jurang perbezaan itu tidaklah begitu besar, jurang perbezaan itu akan dapat dikurangkan lagi jika penggunaan-pengguna yang kerap menyeberangi Jambatan Pulau Pinang menggunakan "prepaid voucher" yang diberi potongan sebanyak 20% ke atas kadar-kadar tol itu.

Di dalam keadaan-keadaan yang tertentu, dengan menggunakan "prepaid voucher" didapati kadar-kadar tol yang dibayar adalah lebih rendah daripada tambang feri. Misalnya, tambang feri ke atas motokar yang mempunyai 1201 c.c. ke 1600 c.c. dengan membawa empat penumpang adalah \$6.60, iaitu \$5.00 untuk sebuah motokar dan \$1.60 ke atas empat penumpang, yang mana tiap-tiap penumpang dikenakan 40 sen. Dengan menggunakan kenderaan yang serupa, kadar tol yang akan dikenakan dengan menggunakan "prepaid voucher" ialah \$5.60.

Begitu juga keadaannya dengan penjimatan yang dapat diperolehi jika lori-lori menggunakan "prepaid voucher" tiap-tiap kali menyeberangi Jambatan Pulau Pinang. Misalnya lori yang melebihi 6 tan ke 8 tan yang menggunakan perkhidmatan feri akan dikenakan tambang berjumlah \$22.00 berbanding dengan \$20.00, iaitu potongan sebanyak \$5.00, jika kenderaan lori itu menggunakan "prepaid voucher" apabila menyeberangi Jambatan Pulau Pinang. Bagi kenderaan lori di antara

2 tan hingga 6 tan, tambang feri adalah lebih tinggi daripada tol yang dikenakan dan jika potongan "prepaid voucher" digunakan penjaminan yang lebih besar akan dapat diperolehi dengan menggunakan Jambatan Pulau Pinang.

Contoh-contoh lain yang menunjukkan perbezaan dan penjaminan yang diperolehi dengan menggunakan Jambatan Pulau Pinang berbanding dengan perkhidmatan feri bagi empat penumpang adalah seperti berikut:

<i>Kuasa Kenderaan</i>	<i>Bayaran Feri</i>	<i>Bayaran Tol</i>	<i>Bayaran Tol dengan prepaid voucher (dengan potongan 20%)</i>
1600 cc ke atas	\$6.00 + \$1.60 =\$7.60	\$ 7.00	\$ 5.60

<i>Kuasa Kenderaan</i>	<i>Bayaran Feri</i>	<i>Bayaran Tol</i>	<i>Bayaran Tol dengan prepaid voucher (dengan potongan 20%)</i>
Melebihi 8 tan ke 10 tan	\$29.00	\$25.00	\$20.00
Melebihi 10 tan ke 13 tan	\$36.00	\$25.00	\$20.00

Mengenai perkara-perkara kurangnya orang menggunakan Jambatan Pulau Pinang, sukalah saya jelaskan di sini bahawa semenjak jambatan itu dibuka kepada lalulintas pada 14th September, 1985, "trend" penggunaan Jambatan Pulau Pinang itu nampaknya meningkat seperti berikut:

<i>Bulan</i>	<i>Bilangan Kereta Menggunakan Jambatan</i>	<i>Bilangan Lori Menggunakan Jambatan</i>
September, 1985	96,603	9,313
Oktober, 1985	118,584	19,378
November, 1985	130,334	22,836
Disember, 1985	182,547	32,713
Januari, 1986	119,795	24,408
Februari, 1986	148,411	19,323

Saya yakin apabila pengguna-pengguna mengetahui mengenai faedah "prepaid voucher" dengan lebih meluas, maka bilangan pengguna-pengguna yang menyeberangi Jambatan Pulau Pinang akan bertambah di masa-masa hadapan.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, berapa ratus juta kita dapat pungut dalam tahun 1985.

Yang kedua, akhir-akhir ini ada juga pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab merosakkan barang-barang telefon dan sebagainya di Jabatan itu, tetapi masih lagi berlaku. Apakah tindakan-tindakan positif yang boleh mengelakkan daripada berlakunya kerosakan barang-barang di atas Jambatan itu.

Soalan yang ketiga, akhir-akhir ini kita dengar Kerajaan Pulau Pinang ingin hendak membeli Jambatan itu. Bagaimana pendapat Menteri berkenaan, adakah bersetuju sekiranya Kerajaan Pulau Pinang hendak beli Jambatan itu dan pihak Kementerian hendak jual?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama oleh Ahli Yang Berhormat itu, berkenaan dengan jumlah kutipan tol pada tahun 1985, saya tidak mempunyai angka-angka, saya minta notis daripada Yang Berhormat.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, saya tahu juga perkara-perkara iaitu telefon dan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Lembaga Lebuhraya itu kena curi dan ada juga pihak-pihak suka memalsukan perkara-perkara atau pemasangan alat-alat oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Walau bagaimanapun, kita telah melaporkan kepada pihak Polis dan saya dapat tahu pihak Polis telah mengambil beberapa tindakan. Perkara ini tidak membangkit apa-apa masalah lagi.

Yang ketiga, iaitu berkenaan dengan pembelian Jambatan Pulau Pinang oleh Kerajaan Pulau Pinang itu, seperti apa yang saya jawab dalam Dewan yang mulia ini beberapa bulan

yang lalu iaitu Kerajaan Pulau Pinang suka juga mempunyai Jambatan Pulau Pinang, jikalau diberi percuma (*Ketawa*). Tetapi Kerajaan Persekutuan bukan ada tujuan untuk memberi apa-apa kemudahan kepada mana-mana Kerajaan Negeri dengan percuma sebab kita telah berbelanja beberapa juta ringgit. Tetapi saya kata juga, saya mengumumkan kepada rakyat jelata iaitu tujuan Kerajaan Pusat untuk mengadakan Jambatan Pulau Pinang itu adalah untuk memberi lebih kemudahan kepada rakyat jelata di Pulau Pinang. Tetapi kita harap rakyat jelata, dengan Jambatan ini boleh juga mengadakan lebih kemajuan, lebih hubungan dengan Tanah Besar. Tetapi apa yang saya nampak rakyat jelata di Pulau Pinang suka juga mengguna feri, apabila mereka keluar daripada Pulau mereka guna Jambatan. Walau bagaimanapun, di dalam pengumuman saya, saya mengatakan saya akan menimbang dengan agensi-agensi Kerajaan lain untuk mengadakan lebih kutipan daripada Jambatan Pulau Pinang. Ini bukan bererti kita akan menaikkan tambahan kepada kadar-kadar tol yang kita kutip sekarang. Walau bagaimanapun, mengikut cadangan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih kurang satu tahun yang lalu, Kerajaan Pulau Pinang boleh jikalau mereka suka, mengambil alih Jambatan Pulau Pinang dan kutip seberapa banyak yang mereka boleh. Saya tahu mereka tidak boleh mengutip lebih daripada apa yang saya kutip sekarang (*Ketawa*).

Walaupun bagaimanapun, kita kata dalam perjanjian itu, mereka akan membayar \$860 juta. Ini ditambah dengan pembinaan jalanraya "North coastal road" dan juga mengambus tanah kepada kawasan north coastal road yang mana kita harap kita boleh dapat lebih kurang 560 ekar tanah baru. Dengan mengambus tanah itu, harapan saya agar rancangan

Kementerian saya, kita boleh juga mengadakan satu bandar baru. Dengan bandar itu dapat lebih tanah, kita beri kepada Kerajaan Pulau Pinang mengikuti dengan pantai yang sedia ada, kita harap kita boleh mengadakan satu bandar besar atau bandaraya seperti Manhattan Island dan juga New York. Inilah cadangan daripada saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Selepas itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membincangkan dengan Kerajaan Pulau Pinang. Perkara yang saya timbulkan di sini kepada Dewan yang mulia ini, harapan saya jikalau kita ada juga satu bandaraya seperti apa yang saya cadangkan tadi seperti Manhattan Island, saya harap kita boleh juga menaikkan taraf kehidupan dan juga melebihi bahagian penyertaan bumiputera di Pulau Pinang. Itulah cadangan saya. Tetapi insya Allah, ini tidak berlaku. Alhamdulillah, saya harap masa depan mereka boleh juga mengadakan satu ingatan baru dan cara baru yang mana mereka dengan kerjasama Kerajaan Pusat kita boleh menjayakan projek.

Dato G. Pasamanickam: Boleh tambah? (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah dengar daripada Yang Berhormat Menteri yang kita sayangi panjang lebar atas perkara Pulau Pinang. Tetapi memandangkan perkhidmatan feri yang terus diadakan, nampaknya ini menjejaskan kutipan tol. Apakah Yang Berhormat Menteri bercadang atau menimbang untuk menghapuskan perkhidmatan feri sekarang.

Dato' S. samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan cadangan daripada Kementerian saya. Kementerian saya suka juga menimbang perkara ini dengan lebih adil. Sebab-sebabnya inter-change yang sedia ada di Prai ini

ialah lebih kurang 6 batu daripada Butterworth. Ini bukan cadangan kita. Semua penumpang-penumpang atau pengguna-pengguna jalan daripada negeri Kedah dan Utara mesti datang ke Jambatan Pulau Pinang. Jikalau kita adakan feri, saya harap sesiapa daripada negeri Kedah boleh juga menggunakan feri, sesiapa daripada Selatan boleh juga menggunakan Jambatan Pulau Pinang yang mana kita akan mengadakan dua hala untuk memasuki Pulau Pinang. Saya harap untuk menamatkan perkhidmatan feri pun bukan tugas Menteri Kerjaraya, tugas Menteri Pengangkutan. Saya harap jikalau mereka cadang pun, saya tidak terima cadangan itu.

RAKYAT MALAYSIA DI SAUDI ARABIA

2. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) berapa ramai rakyat Malaysia yang bekerja di Arab Saudi dan dalam bidang apa mereka bekerja; dan
- (b) adakah Kerajaan menggalakkan seberapa ramai lagi pekerja dari negara kita berhijrah ke Arab Saudi untuk mencari pekerjaan dan jika ya, apakah usaha-usaha yang dibuat dalam memberi jaminan kebajikan mereka di sana.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Untuk makluman Dewan yang mulia ini, negara kita tidak ada undang-undang yang mewajibkan warganegara Malaysia yang berhijrah untuk bekerja di luar negeri atas pilihan sendiri supaya melaporkan diri di mana-mana pihak berkuasa semasa mereka keluar dan kembali ke tanahair. Oleh hal

yang demikian, tidak ada rekod disimpan berkaitan dengan bilangan pekerja-pekerja Malaysia yang sedang bekerja di luar negeri termasuklah Arab Saudi. Walau bagaimanapun, mengikut satu laporan daripada Kedutaan Besar Malaysia di Arab Saudi pada awal tahun ini, bilangan rakyat Malaysia yang bekerja dalam beberapa bidang di Arab Saudi adalah lebih kurang 1,000 orang. Adalah difahamkan mereka ini diberi layanan yang lebih menarik berbanding dengan lain-lain pekerja dari negara Asia.

- (b) Rakyat Malaysia adalah bebas untuk mencari pekerjaan di Arab Saudi dan negara-negara lain asalkan mereka mematuhi kehendak-kehendak undang-undang imigresen negara ini dan juga undang-undang negara-negara yang berkenaan. Dengan hal yang demikian, Kerajaan tidak ada polisi tertentu yang menghalang mereka jika berminat bekerja di Arab Saudi. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri sentiasa mengawasi kebajikan pekerja-pekerja Malaysia di luar negeri melalui Kedutaan-kedutaan Malaysia yang berkenaan. Biasanya di mana perlu, pertolongan konsular diberikan oleh Kedutaan Malaysia.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian sedar beberapa kes perhambaan iaitu penindasan dan penyiksaan telah dilakukan kepada warganegara Malaysia yang bekerja di Saudi Arabia seperti yang pernah dilaporkan oleh suratkhbar khususnya seperti yang ada kes yang pernah dilaporkan lebih kurang 5-6 bulan yang lalu. Jadi soalan

saya, adakah Kementerian sedar bahawa ada warganegara kita yang berada di Saudi Arabia ini telah ditindas dan diperhambakan dengan tidak mendapat hak-hak asasi sebagai pekerja ataupun pembantu rumah?

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat yang pertama itu, pada tahun 1986 Kementerian saya tidak ada menerima apa-apa laporan mengenai penindasan terhadap pekerja-pekerja Malaysia di luar negeri khususnya di Arab Saudi dan pada tahun 1985 pun tidak ada, tetapi sebelum itu Kementerian telah pun menerima dua-tiga aduan dan kes itu telah pun diselesaikan.

Untuk menjawab soalan kedua Ahli Berhormat, Kementerian saya sampai sekarang tidak pernah menerima apa-apa aduan atau laporan berkenaan kes itu.

MINYAK KELAPA SAWIT— KEJATUHAN HARGA

3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapa akhir-akhir ini harga minyak sawit Malaysia jatuh begitu teruk sekali pada hal dalam bulan Disember yang lalu Menteri sendiri meramalkan kenaikan harga akan berlaku pada bulan-bulan Januari, Februari, Mac dan April, 1986. Apakah lawatan rombongan penggalak eksport minyak sawit ke negara-negara Timur Jauh seperti Korea Selatan dan Jepun itu berhasil untuk membaiki harga pasaran.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa sejak kebelakangan ini harga minyak kelapa sawit telah mengalami kejatuhan yang teruk daripada paras tertinggi \$1,586 setan metrik yang dicatatkan dalam bulan Mac, 1985, harga purata

bulanan minyak kelapa sawit mentah bagi setan metrik di pasaran tempatan telah merosot terus menerus kepada \$661.50 pada bulan Oktober, 1985.

Walaupun harga pulih sedikit pada bulan-bulan November dan Disember, 1985 masing-masing kepada \$674 dan \$780.50 setan metrik, ia kembali merosot pada tahun ini kepada \$671.50 pada bulan Januari, \$581.50 pada bulan Februari dan \$495.55 pada bulan Mac sebelum meningkat semula akhir-akhir ini ke paras yang melebihi \$600 setan metrik.

Kejatuhan harga dalam tempoh Januari hingga Mac, 1986 adalah disebabkan kedudukan pasaran minyak dan lemak dunia yang meleset akibat wujudnya keadaan lebih penawaran berbanding dengan permintaan. Lebih penawaran wujud bukan sahaja ekoran daripada penambahan pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia tetapi juga peningkatan di dalam penawaran minyak kelapa sawit, minyak kelapa, minyak soya dan minyak-minyak lain daripada negara-negara pengeluar lain.

Berhubung dengan lawatan rombongan penggalak eksport minyak kelapa sawit ke Republik Korea dan Jepun, hasil yang dicapai adalah amat konkrit dan bermakna. Republik Korea telah bersetuju mengurangkan duti import ke atas minyak kelapa sawit dan minyak isirong kelapa sawit.

Jepun pula telah bersetuju menghapuskan duti import ke atas minyak kelapa sawit. Pengurangan dan penghapusan duti ini mula berkuatkuasa pada permulaan tahun ini dan hasil daripada ini eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke negara-negara berkenaan dijangka dapat dipertingkatkan lagi di masa akan datang.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md.

Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah diberitahu bahawa pada akhir-akhir ini setengah negara telah mengurangkan pembelian minyak kelapa sawit daripada Malaysia seperti India dan Pakistan dan setengah-setengah negara lain kita tidak dapat menarik untuk datang membeli minyak kelapa sawit ke negara kita seperti Iran dan pasaran minyak kelapa sawit kita di Eropah tidak begitu tinggi. Saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan di dalam usaha untuk mengembalikan pembeli-pembeli ini ke negara kita dan juga untuk memperansang negara-negara seperti Iran dan Eropah membeli minyak kelapa sawit dari negara kita?

Soalan yang kedua, daripada jawapan Menteri tadi mengatakan bahawa tawaran lebih tinggi daripada permintaan, adakah Kerajaan kita akan kekal memberi peransang kepada penanam-penanam modal di negara kita ini untuk menanam kelapa sawit pada masa akan datang?

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan

Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan kita akan terus mendapatkan pasaran minyak kelapa sawit kita di India, Eropah, Pakistan dan negara-negara yang lain. Ini adalah dasar Kerajaan kita tetapi India telah menetapkan satu dasar yang mana India suka mendapat bekalan pengeluaran minyak sayur-sayuran di negara itu. Oleh sebab itu Kerajaan India telah menambahkan kadar terhadap minyak kelapa sawit daripada 5% kepada 45%. Walau bagaimanapun, eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke India adalah lebih kurang 660,000 tan pada tahun 1985 kalau berbanding dengan eksport minyak kelapa sawit pada tahun 1984, iaitu 720,000 tan. Saya fikir Pakistan telah menambah pembelian minyak kelapa sawit dari

Malaysia pada tahun 1985 berbanding dengan pengimportan minyak kelapa sawit pada tahun 1984.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menambahkan pengeksporan minyak kelapa sawit ke Eropah tetapi setakat ini Eropah telah menetapkan kadar import sebanyak 4% terhadap minyak kelapa sawit mentah dan 12% terhadap minyak kelapa sawit yang diproses dari Malaysia. Kerajaan Malaysia sentiasa berhubung dengan Eropah supaya duti terhadap minyak kelapa sawit mentah ataupun yang diproses boleh dikurangkan di Eropah supaya Malaysia boleh menambah eksport minyak kelapa sawit ke Eropah.

Selain daripada negara-negara ini adalah wajar bagi Malaysia untuk meluaskan eksport minyak kelapa sawit ke Jepun, Republik Korea dan Amerika Syarikat. Di Amerika penggunaan minyak kelapa sawit dan minyak sayur-sayuran dan lemak adalah kurang 7.8 juta tan setahun. Di Jepun adalah lebih kurang 2.1 juta tan setahun.

Potensi pasaran di negara-negara ini adalah besar, oleh sebab itu adalah baik bagi peniaga-peniaga ataupun pengeksporn-pengeksporn minyak kelapa sawit Malaysia akan berhubung dengan pihak swasta supaya kita boleh menambah eksport minyak kelapa sawit ke negara-negara ini.

Berhubung dengan pengeluaran minyak kelapa sawit di Malaysia pada masa akan datang, adalah dijangka bagi Malaysia bahawa pengeluaran minyak kelapa sawit akan bertambah kepada 6.5 juta tan pada tahun 1990, sebanyak 8 juta tan pada tahun 1995 dan lebih kurang 10 juta tan pada tahun 2000.

Oleh kerana bahawa Malaysia akan bertambah pengeluaran minyak kelapa sawit adalah wajar bagi

Malaysia untuk mengurangkan kos pengeluaran minyak kelapa sawit, supaya minyak kelapa sawit Malaysia boleh bersaing dengan minyak kelapa sawit daripada pengeluar-pengeluar yang lain dan minyak sayur-sayuran yang lain juga.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, apakah Kementerian ini sedar akan kemerosotan harga minyak sawit kita, berpunca dari sikap baik hati kita terhadap jiran-jiran kita menunjukkan mereka, sehingga mereka lebih mampu mengeluarkan bahan-bahan ini dengan harga yang lebih murah?

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa negara-negara jiran telah bertambah pengeluaran minyak kelapa sawit dan minyak kelapa. Tetapi ini keputusan yang dibuat oleh negara-negara itu, contohnya Indonesia telah bertambah mengeksporkan minyak kelapa sawit daripada 47,000 tan pada tahun 1984 kepada lebih kurang 600,000 tan pada tahun 1985. Keputusan yang diambil oleh Kerajaan itu adalah terkeluar daripada Kerajaan Malaysia.

Apa yang saya boleh menegaskan di sini iaitu kita mesti bersaing dengan minyak kelapa daripada negara-negara jiran.

PEMBANGUNAN PERTANIAN

4. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa banyakkah wang yang telah dibelanjakan bagi pembangunan pertanian untuk tahun-tahun 1983, 1984 dan 1985; dan
- (b) sejak beliau mengambil alih tugas Menteri apakah langkah-langkah positif yang telah

diambil bagi membantu membangunkan kaum tani dan rakyat miskin di luar bandar.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan wang yang telah dibelanjakan oleh Kementerian Pertanian bagi pembangunan pertanian berjumlah \$652 juta bagi tahun 1983; \$543,100,000 bagi tahun 1984 dan \$759,900,000 bagi tahun 1985. Perbelanjaan-perbelanjaan ini adalah merupakan perbelanjaan secara langsung dan juga pinjaman.

Mengenai soalan yang kedua, inginlah saya jelaskan bahawa apa yang diusahakan di Kementerian Pertanian merupakan suatu langkah meneruskan kerja-kerja cemerlang yang telah dilakukan oleh rakan-rakan Menteri-menteri dan pegawai-pegawai sebelumnya. Oleh yang demikian tidaklah ada beberapa perubahan besar dari segi dasar terutama setelah digubal Dasar Pertanian Negara pada beberapa tahun yang lalu. Cuma ada beberapa penekanan baru yang dibuat memandangkan kepada keadaan dan suasana dan juga langkah-langkah yang perlu bagi membela nasib golongan miskin terutama apa yang kita sebut sebagai golongan yang relatif lebih miskin di kawasan-kawasan luar bandar. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah membantu mereka agar menguruskan kebun-kebun mereka secara berkelompok, meningkatkan jumlah kredit termasuk tanpa faedah atau faedah yang terlalu kecil bagi petani-petani yang dianggap miskin tanpa cagaran.

Ketiganya, memperbaiki infrastruktur atau prasarana pemasaran termasuk memperbanyakkan pasar-pasar tani, pasar-pasar borong, pusat-pusat pendaratan ikan di kompleks-kompleks perikanan.

Berikutnya ialah memperkukuhkan Institusi Pertubuhan Peladang dan juga Persatuan-persatuan Nelayan agar petani-petani dan nelayan-nelayan kecil yang miskin dapat digembelingkan tenaga mereka supaya memperkukuhkan kedudukan mereka dan dapat pula disearahkan kerja-kerja yang dahulunya tidak mampu diusahakan sendiri oleh nelayan-nelayan atau petani-petani.

Selain daripada itu banyak lagi langkah-langkah yang diambil dari masa ke semasa untuk meningkat berbagai jenis bantuan bagi membela nasib petani dan nelayan yang miskin.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada menyebut iaitu projek pasar tani, kita ucapkan tahniah. Tetapi adakah pihak Menteri bercadang mengkaji semula memandangkan daerah-daerah yang kecil, pekan-pekan kecil sudah sedia ada pasar malam, pasar lambak dua kali seminggu, datang pula pasar tani tiga kali seminggu. Apakah hendak jadi dengan pasar tani ini? Saya minta penjelasan.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pasar tani ini diwujudkan untuk memperbaiki kelemahan dalam sistem pemasaran. Sekiranya di beberapa bandar-bandar kecil didapati sistem pemasarannya baik dan berjalan dengan lancar, maka tentunya pelancaran pasar tani ini tidak diadakan ataupun akan ditangguhkan. Tetapi setakat yang diketahui oleh Kementerian melalui agensi-agensinya khususnya FAMA, pasar tani yang diwujudkan sebenarnya telahpun membantu menambahkan pendapatan petani-petani kerana mereka mendapat kesempatan menjual secara langsung kepada pengguna-pengguna. Dan dalam kajian kita di beberapa tempat

termasuk Kelana Jaya, Shah Alam, Johor Bahru dan beberapa tempat yang lain, selain daripada pendapatan itu meningkat di kalangan petani, oleh kerana peranan orang tengah dikurangkan, maka harga bagi pengguna-pengguna pun jauh lebih baik.

Saya beri contoh umpamanya, pasar tani di Kelana Jaya sahaja dalam masa perjalanan 4-5 jam pada suatu hari dapat memungut sekurang-kurangnya \$25,000 hasil penjualan dan ini menunjukkan bahawa ada kelemahan dalam sistem pemasaran di sekitar kawasan tersebut.

Puan Hasanah binti Mohd. Kassim: Soalan tambahan. Semenjak pasar tani diwujudkan berapa banyak keseluruhan dalam negara ini?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat pastikan secara langsung, tetapi saya kira lebih kurang 17 dan kita berusaha untuk menambahkan sekitar 20 lagi sebelum akhir tahun ini.

PEKEBUN-PEKEBUN KECIL—SUBSIDI

5. Tuan Tay Chee King minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bilangan permohonan subsidi dari RISDA pada tahun 1985 dan berapakah permohonan pekebun-pekebun kecil yang telah diluluskan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, bilangan permohonan subsidi yang diterima oleh RISDA daripada pekebun-pekebun kecil dalam tahun 1985 ialah sebanyak 141,311 permohonan dan sebanyak 87,413 permohonan telah diluluskan.

PELAJARAN KOMPUTER DI SEKOLAH

6. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah pihak Kementerian mengenai mutu pelajaran melalui komputer yang sedang hebat dianjurkan sama ada beliau sedar banyak masalah dijangka akan timbul, misalnya pemilihan bahasa komputer yang sesuai, bilangan tenaga pengajar yang terlatih yang mencukupi dan kurikulum yang lengkap; jika sedar, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menjamin sesuatu hasil pembelajaran yang optima.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Ng Cheng Kiat): Tuan Yang di-Pertua, pelajaran komputer belum lagi wujud sebagai satu program formal di sekolah-sekolah. Apa yang sedang dijalankan di sekolah-sekolah sekarang ialah pendedahan secara tidak formal kepada komputer dan penggunaannya melalui aktiviti kelab-kelab komputer.

Kementerian Pelajaran bercadang hendak memperkenalkan bidang ini secara formal melalui matapelajaran baru yang dikenali sebagai "Pengenalan Kepada Komputer". Matapelajaran ini bersifat pengenalan dan pendedahan mengenai dunia komputer kepada pelajar-pelajar di Tingkatan 4 secara berperingkat-peringkat. Untuk tujuan ini, satu rancangan percubaan akan dijalankan pada tahun 1986 dan 1987 sebelum pelaksanaan penuh pada tahun 1988.

Kementerian Pelajaran memang menyedari tentang masalah yang dijangka timbul berikutan pelaksanaan program ini. Langkah-langkah tertentu sedang dijalankan seperti menyelaraskan kegiatan semua kelab komputer di sekolah-sekolah menerusi Buku Panduan Khas Kelab Komputer dan latihan dalam

perkhidmatan untuk guru-guru bagi matapelajaran "Pengenalan kepada Komputer".

MINYAK KELAPA SAWIT—PASARAN

7. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah perancangan yang telah dibuat oleh Kementeriannya bagi meluaskan lagi pemasaran kelapa sawit memandangkan harga komoditi tersebut telah merosot dan adakah Kementerian menjalankan usaha bagi mempelbagaikan kegunaan minyak kelapa sawit itu terutama untuk bahan yang boleh dijadikan makanan.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang dari dahulu lagi membuat perancangan bagi meluaskan pasaran minyak kelapa sawit bertujuan mencari dan menembusi pasaran-pasaran baru selain dari mengukuhkan pasaran yang sedia ada bagi bahan tersebut. Ke arah ini Kementerian Perusahaan Utama giat mengadakan penggalakkan pasaran di luar negeri termasuk penghantaran misi-misi teknikal ke negara-negara tertentu untuk memperkenalkan minyak kelapa sawit sebagai sejenis minyak sayuran yang mempunyai bidang penggunaan yang luas, mutu dan bekalan yang mantap serta harga yang kompetitif berbanding dengan minyak dan lemak lain.

Dalam usaha mengukuhkan pasaran-pasaran yang sedia wujud tumpuan dibuat bagi meningkatkan lagi penggunaan minyak kelapa sawit di dalam bidang-bidang yang telah dibangunkan serta menggalakkan penggunaan bahan tersebut di dalam bidang-bidang yang baru.

Menyentuh usaha-usaha mempelbagaikan kegunaan-kegunaan minyak kelapa sawit, suka saya

nyatakan bahawa Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia dan pihak perusahaan kelapa sawit sendiri telah mencapai banyak kemajuan baik di bidang pemakanan mahupun di bidang bukan pemakanan. Kalau dahulu minyak kelapa sawit hanya digunakan sebagai minyak masak tetapi kini ianya digunakan secara meluas dalam pembuatan majerin, lelemak, minyak sapi sayuran (vanaspati), susu isian, krim, "coco butter substitutes", ais krim, roti dan biskut.

Di dalam bidang bukan pemakanan pula, minyak kelapa sawit Malaysia boleh digunakan bukan sahaja untuk membuat sabun tetapi juga bahan pencuci, gris, pelincir, lilin, asid lemak, dakwat, cat, kosmetik dan methyl esters (disel kelapa sawit). Usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan ini akan terus dipesatkan untuk meluaskan lagi bidang-bidang kegunaan minyak kelapa sawit Malaysia.

BADMINTON/BOLA SEPAK/ OLAHRAGA—MUTU PERMAINAN

8. Tuan M.G. Pandithan minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan mengapakah mutu sukan terlalu merosot terutama selepas pembentukan Kementerian ini kerana sebelum Kementerian ini wujud Malaysia adalah yang paling unggul di Asia terutama dalam lapangan permainan Badminton, Bolasepak dan Olahraga.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan, saya ingin menegaskan bahawa penilaian kemajuan dan prestasi sukan adalah satu perkara yang relatif di mana beberapa faktor dan keadaan perlu diambil kira umpamanya sama

ada perbandingan itu berhubung dengan pencapaian kebangsaan, antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Oleh yang demikian, tidaklah wajar dikatakan bahawa mutu sukan negara kita terlalu merosot terutama selepas pembentukan Kementerian iaitu pada tahun 1964. Sebenarnya sambil kita mencapai prestasi yang lebih tinggi, negara-negara lain juga mencapai prestasi yang lebih tinggi daripada kita dan ini tidak bermakna bahawa prestasi sukan kita merosot.

Mutu sukan badminton, bolasepak dan olahraga kita masih tinggi dan meningkat walaupun kita bukan pemegang pingat emas di peringkat Asia. Tetapi dalam satu acara sukan olahraga iaitu 800 meter athlet negara kita, P. Rajakumar ialah pemegang rekod Asia yang didapatinya pada pertandingan Asian Track and Fields di Jakarta tahun lalu dan kita telah memperolehi 8 pingat dalam acara sukan olahraga di Sukan SEA, Bangkok.

Begitu juga dalam sukan badminton, pasukan kita di pertandingan peringkat dunia, iaitu All England telah mencapai kepada tahap finalist. Di sukan SEA, kita memperolehi satu pingat emas dalam acara bergu badminton. Kita juga akan bertanding dalam Kejohanan Piala Thomas di Jakarta.

Dalam acara bolasepak di Sukan SEA kita memperolehi pingat gangsa. Begitu juga pasukan bola sepak kita telah melayakkan diri menyertai Sukan Olimpik dalam tahun 1972 iaitu selepas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditubuhkan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan agensi-agensi Kerajaan dalam sektor sukan terus mempergiatkan usaha untuk memajukan sukan keseluruhannya, tetapi memberi perhatian yang lebih

berat kepada sukan-sukan di mana kita mempunyai taraf antarabangsa. Dalam konteks pembangunan dan kemajuan sukan di negara ini perlu diingatkan bahawa tugas membangun dan memajukan sukan bukanlah semata-mata tugas agensi-agensi Kerajaan malahan sebahagian besar daripada tugas ini adalah terletak kepada persatuan-persatuan sukan kebangsaan yang mengawal sukan berkenaan serta mempunyai perhubungan secara langsung dengan jurulatih-jurulatih dan athlet-athlet sendiri.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, Majlis Sukan Negara akan melaksanakan program pembangunan ahli sukan bagi membolehkan ahli-ahli sukan yang berbakat mendapat latihan jangka panjang yang lebih teratur.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, lebih kurang \$85 juta akan dibelanjakan untuk pembinaan kemudahan-kemudahan sukan dan pemuliharaan stadium yang sedia ada. Ini termasuk rancangan mengadakan kemudahan-kemudahan sukan untuk bandar-bandar kecil di setiap negeri di seluruh negara. Satu lagi usaha yang sedang di rangka ialah pembinaan Kompleks Sukan Negara, termasuk sebuah Institut Sukan di Kuala Lumpur. Pengwujudan Institut ini dengan sumbangan daripada pihak swasta bertujuan untuk melatih ahli-ahli sukan, jurulatih dan kakitangan pengurusan sukan serta kakitangan teknik sukan yang lain.

Selain dari usaha penyediaan kemudahan yang saya sebutkan tadi, perancangan pembangunan dan pendidikan kejurulatihan di bawah Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan adalah di antara program-program yang penting yang akan dilaksanakan.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria:
(*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat cakap kuat sedikit.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Kementerian ini mempunyai langkah-langkah yang tertentu untuk mengurangkan satu macam polarisasi yang terdapat dari segi penyertaan dalam jenis-jenis sukan yang tertentu. Sebagai misalnya, kita dapati ada setengah-setengah jenis sukan yang terdapat di negara ini yang hanya tertumpu kepada satu-satu kaum sahaja, umpamanya sepak takraw, bola jaring, lumba jalan jauh dan sebagainya yang kadang kala menggambarkan tumpuan kepada satu-satu kaum.

Soalan tambahan saya ialah adakah Kementerian ini mempunyai langkah-langkah tertentu untuk mengatasi isu perkauman dalam penglibatan sukan di negara ini?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ada beberapa rancangan dijalankan oleh Majlis Sukan Negara bagi meninggikan kesukanan dan jenis-jenis kesukanan yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi.

Pertama ialah ada skim perangsang ahli sukan yang bertujuan untuk membantu ahli-ahli sukan bagi menjalani latihan dengan mengeluarkan bantuan wang untuk memenuhi perbelanjaan makanan bermutu, alat-alat sukan dan sebagainya.

Rancangan kedua, melalui Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan merancang dan melaksanakan satu program tiap-tiap tahun untuk memberi latihan dan pendidikan luar

negeri kepada athlit-athlit yang berpotensi yang ada tiga rancangan iaitu program latihan sepanjang tahun dalam negeri juga dijalankan bagi mempertingkatkan mutu sukan. Ada juga satu rancangan yang keempat iaitu Kerajaan juga menyampaikan Anugerah Sukan Negara tiap-tiap tahun sebagai insentif untuk menggalakan athelit-athelit supaya mempertingkatkan lagi pencapaian mereka.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, soalnya senang sahaja, apakah rancangan KKBS di dalam mempelbagaikan jenis-jenis sukan ini kepada semua kaum misalnya mainan gasing ini kita orang Melayu sahaja. Ertinya, kaum Cina juga boleh main, kaum india juga main gasing. Sepak raga, orang Cina juga boleh main sepak raga, orang India, orang Iban, Kadazan main sepak raga. Ini termasuk, saya rasa di dalam mengintegrasikan sukan nasional kita supaya satu-satu jenis permainan tidak dimonopoli oleh satu-satu kaum. Apa rancangan KKBS hendak menerapkan itu?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, KKBS sedar ada jenis sukan yang didapati sebilangan kaum yang menyertai sukan itu tetapi KKBS selalu menggalakkan semua kaum belia menyertai sukan-sukan pelbagai jenis dan kita mengadakan penerangan kepada semua kaum belia.

Tuan Chan Chong Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan sukan, pada pengetahuan saya, di Seremban yang biasanya bola jaring dimainkan oleh murid-murid Cina. Tetapi pada satu tahun di Sekolah SEDAR ada seorang yang pandai main bola jaring, dihantar ke sana untuk menjadi guru dan pada tahun itu Sekolah SEDAR itu telah

menjadi champion dalam Negeri Sembilan. Oleh yang demikian tidak bolehkah Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan menghantar orang-orang yang pakar misalnya dalam bola jaring kepada sekolah-sekolah Cina? Itu soalan saya.

WANITA DALAM BIDANG PERIKANAN

9. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimanakah penubuhan Kumpulan Wanita Nelayan dapat membantu menaikkan taraf sosial dan ekonomi kaum nelayan di negara ini.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tentunya mengambil berat tentang kedudukan wanita-wanita dalam bidang perikanan ini walaupun kita tahu wanita-wanita tidak pergi ke laut. Tetapi nelayan-nelayan setelah pergi ke laut akan ke darat dan menemui wanita-wanita ini. Sebab itu kita merasakan bertanggungjawab untuk meningkatkan usaha membantu pendapatan keluarga nelayan termasuk isteri-isteri dan keluarga mereka. Ini termasuklah melalui aktiviti pemerosesan ikan seperti membuat keropok, budu, sate ikan, mengering ikan sotong, membungkus hasil perikanan untuk pasaran dan dengan bekerja dalam kilang-kilang memproses udang laut.

Kebanyakan kegiatan masa kini dijalankan sendiri oleh keluarga nelayan tetapi dengan wujudnya Persatuan-persatuan Nelayan, kebanyakan kegiatan ini telah mula digabungkan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan usaha memberi bantuan latihan dan juga kepakaran serta modal bagi menjamin pendapatan yang bertambah kepada keluarga nelayan khususnya Kumpulan Wanita Nelayan.

Di antara perbelanjaan tambahan yang diperolehi agak sederhana dan dari kajian yang telah dibuat, ada keluarga wanita nelayan yang mendapat lebih kurang \$6 sehari sebagai pendapatan tambahan yang diperolehi melalui memproses sate ikan.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Pertanian kerana telah mengambil langkah yang sedemikian ini. Soalan tambahan saya ialah adakah juga Kementerian ini bercadang pula menubuhkan Kumpulan Wanita di sektor-sektor lain umpamanya Kumpulan Wanita Pekebun Kelapa Sawit, Kumpulan Wanita Pekebun Getah, Kumpulan Wanita Pekebun Koko dan sebagainya?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Setakat ini memadai dengan Kumpulan Wanita Nelayan dan Kumpulan Wanita Peladang, iaitu peladang wanita kerana kalau hendak dilibatkan semua sekali—kapas, udang, koko, garam, semua ada wanita susah pula nanti banyak sangat kerja. Tetapi secara serius boleh saya jelaskan bahawa sama ada peruntukan atau pertambahan pegawai dan juga perlantikan ahli-ahli wanita tambahan dalam Pertubuhan Peladang Kawasan sedang dijalankan dan sedang dipertingkatkan.

PENDAKWAH LUAR NEGERI

10. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pendakwah-pendakwah luar yang masuk ke negara kita ini dengan begitu bebas sekali mungkin menyebabkan banyak ajaran-ajaran sesat terdapat di dalam negara kita ini, apakah langkah-langkah tegas bagi

mengawal kemasukan mereka ke negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, kemasukan warganegara-warganegara asing ke negara ini adalah dibenarkan mengikut dasar Kerajaan dan keperluan Undang-undang Imigresen berdasarkan kepada keperluan dan tujuan satu-satu lawatan itu. Bagaimanapun Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan untuk mengusir keluar atau menghalang kemasukan mana-mana warganegara asing yang disyaki atau didapat melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang boleh menjejaskan perpaduan rakyat, memudaratkan ketenteraman awam atau keselamatan negara. Tindakan tegas ini diambil dengan tujuan untuk menyekat pendakwah-pendakwah luar daripada menyebarkan ajaran-ajaran sesat dalam mana-mana agama sekalipun di negara ini. Kementerian ini meminta kerjasama daripada orang ramai supaya memberi maklumat-maklumat mengenai kegiatan-kegiatan ajaran sesat sama ada dibawa oleh rakyat negara ini mahupun pendakwah-pendakwah luar.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, sehingga sekarang sudah adakah di dalam rekod mereka yang sudah menyalahi peraturan dan yang menjalankan kegiatan-kegiatan seperti soalan awal tadi itu? Kalau ada, sudahkah Kementerian mengambil tindakan kepada laporan yang telah diterima itu selain daripada akan mengambil tindakan?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah amat sukar bagi kita mengenalpasti seseorang pelawat yang mungkin akan menjadi pendakwah dan mengajar ajaran sesat di negara kita ini. Walau

bagaimanapun, sehingga sekarang kita telah menyekat ataupun melarang masuk beberapa orang rakyat negara asing ke negara kita kerana disyaki telah terlibat di dalam ajaran menyeleweng. Seramai 166 orang telahpun dihantar balik dan tidak dibenar langsung balik ke negara kita. Mereka terdiri daripada rakyat India — 46 orang; Thailand — 37 orang; Pakistan — 23 orang; Singapura — 19 orang; Sri Lanka — 15 orang; Bangladesh — 15 orang; Jordan — 6 orang; Indonesia — 4 orang dan Saudi Arabia — 1 orang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 52 adalah diberi di bawah ini].

CUKAI JALAN— MEMBAHARUI DI JPJ DAERAH

11. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah rancangan Kementerian Pengangkutan bercadang menempatkan wakil dari Jabatan Pengangkutan Jalan ke daerah yang tidak ada pejabat JPJ bagi memberi kemudahan kepada pemilik-pemilik kereta membayar lesen dan cukai jalan dengan tidak bersusah payah pergi ke daerah lain. Contohnya pemilik kereta yang tinggal dalam daerah Lipis terpaksa pergi ke daerah Raub untuk membaharui lesen kereta dan Cukai Jalan.

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Kementerian Pengangkutan memang berhasrat untuk memberikan kemudahan yang selesa kepada orang ramai dalam urusan mereka untuk membaharui cukai jalan atau lesen memandu. Jika boleh Kementerian saya ingin

menubuhkan pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan di tiap-tiap daerah di seluruh negara. Walau bagaimanapun rancangan untuk menubuhkan pejabat di sesebuah daerah itu adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti bilangan kenderaan serta penduduk di sesuatu daerah dan sejauh mana pejabat itu dapat memberi perkhidmatan kepada kawasan sekitaran. Perkembangan sosio-ekonomi sesuatu daerah itu di masa hadapan juga perlu di ambil kira sebagai contoh sebanyak 2 buah pejabat kecil tetap telah ditubuhkan di Pontian dan Bentong. Sebagai langkah jangkamasa pendek pula Jabatan Pengangkutan Jalan telah menubuhkan Pejabat Kecil Sementara bagi kemudahan orangramai. Di sepanjang Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 17 pejabat Kecil sementara telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia. Penubuhan 20 Pejabat Kecil Tetap yang lain terpaksa ditangguhkan oleh keadaan ekonomi negara sekarang ini.

EKSPORT BARANGAN UTAMA—KERJASAMA ANTARABANGSA

12. Tuan Abdul Ghani Othman minta Menteri Perusahaan Utama menjelaskan mengenai pengalaman kita tentang perjanjian bahan utama antarabangsa yang tidak menyakinkan negara-negara pengeluar. Alangkah lebih bermakna jika kita mengambil strategi mengutamakan kerjasama antara negara-negara pengeluar seperti kerjasama antara negara selatan dengan selatan.

- (a) Association of Tin Producing Countries (ATPC);
- (b) Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC);
- (c) Kemungkinan menubuhkan Kelab Pengeluar Kelapa Sawit.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Di atas persoalan keutamaan dalam bidang kerjasama antarabangsa, perlu saya tegaskan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara perngeluar dan pengeksport barangan utama yang terkemuka iaitu bagi getah asli, minyak kelapa sawit, timah, koko, kayu kayan dan lada hitam, ianya mempunyai tanggungjawab, bukan sahaja kepada negara-negara pengeluar akan tetapi bertanggungjawab juga kepada negara-negara pengguna dalam menstabilkan harga barangan utama, untuk kebaikan bersama kedua-dua pihak iaitu pengeluar dan pengguna. Strategi dalam menyertai sama perjanjian antarabangsa seperti Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) dan Perjanjian Timah Antarabangsa (ITA) adalah untuk membolehkan kita memainkan peranan yang positif serta membina di dalam masyarakat antarabangsa di bidang barangan di bidang barangan utama melalui perjanjian-perjanjian antarabangsa berkenaan. Oleh sebab negara kita sentiasa memainkan peranan yang aktif di dalam perjalanan perjalanan perjanjian-perjanjian antarabangsa yang disertai, maka kita telah dapat mempengaruhi masyarakat antarabangsa dalam dayausaha menstabilkan harga, khasnya untuk kepentingan negara-negara pengeluar. Ini merupakan satu kejayaan bagi negara ini khasnya dalam menjaga kepentingan negara kita dan negara-negara pengeluar lain.

Sukacita saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa tidak semua perjanjian-perjanjian antarabangsa mengenai barangan utama dapat menjamin kestabilan harga. Mengenai ITA, negara-negara pengeluar yang menganggotai Perjanjian tersebut telah dapat menikmati faedah daripada beberapa perjanjian yang lepas. Walau bagaimanapun ITA Yang ke Enam yang sekarang ini tidak berjaya bilamana bekalan yang

dan peraturan-peraturan yang berkaitan serta mengubahsuai prosidur-prosidur dan pentadbiran dasar untuk memudahkan pihak swasta berurusan dengan Kerajaan dan menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia.

Pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menambahkan lagi pusingan wang dalam sistem ekonomi dengan memperkenalkan suatu Tabung pelaburan Baru sebanyak \$1 billion, mengurangkan keperluan simpanan berkanun (statutory requirement) bagi bank-bank perdagangan dari 5% kepada 4% dan mengurangkan lagi keperluan mudah tunai (liquidity requirement) bagi bank-bank tersebut dari 20% kepada 18.5% daripada jumlah tanggungan yang layak. Untuk menyediakan kemudahan pinjaman bagi pengeksporth-pengeksporth keluaran pengilangan, pihak Kerajaan telah memperbaiki "Skim Pembiayaan Semula Pinjaman Eksport (ECR)".

Kerajaan yakin dengan langkah-langkah ini pembangunan perindustrian akan menjadi lebih pesat lagi dan dengan itu meyumbang secara positif terhadap usaha-usaha mengatasi masalah yang diakibatkan oleh kemelesetan.

TAMBANG TEKSI/BAS

15. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa walaupun harga petrol telah diturunkan tetapi harga bayaran teksi dan bas masih belum diturunkan; apakah tindakan yang diambil bagi memastikan bayaran tambang teksi dan bas diturunkan.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Kementerian saya sedar bahawa walaupun harga petrol telah diturunkan tetapi kadar

tambang teksi dan bas masih kekal seperti yang ada sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedang meneliti perkembangan ini untuk mengetahui implikasi penurunan harga minyak petrol dan diesel ke atas kos operasi pengangkutan awam khususnya bas dan teksi. Walau bagaimanapun, bahan petrol dan diesel hanyalah salah satu daripada berbagai item kos operasi pengangkutan teksi dan bas. Lain-lain kos operasi termasuklah insuran, alat-alat ganti, gaji pekerja, cukai jalan, penyelenggaraan dan sebagainya yang terpaksa diambilkira apabila menetapkan sesuatu kadar tambang. Kos-kos ini juga terpaksa dikaji sama untuk menentukan sama ada penurunan harga minyak petrol dan diesel benar-benar memberi kesan yang ketara kepada keuntungan pengusaha bas dan teksi. Jika didapati kesan itu amat ketara, Kemudian saya akan mengambil tindakan untuk mengkaji semula kadar tambang bas dan teksi.

PASUKAN PETUGAS VII

16. Tuan Chan Chong Tak minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pencegahan kemasukan pendatang haram ke dalam negara kita itu sudah berjaya dengan tertubuhnya "Task Force VII". Jika tidak, apakah tindakan lain yang diambil sekarang.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Sungguhpun pada dasarnya Kerajaan bersetuju untuk memperluaskan bidang tugas Pasukan Petugas VII bagi mengusir pendatang-pendatang haram dari negeri ini. Kementerian Dalam Negeri kita sedang mengenalpasti untuk mencari cara, dan langkah-langkah untuk meningkatkan keberkesanan pendatang haram ke negara ini.

Pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri telah meningkatkan kawalan di

pintu-pintu masuk resmi serta memesatkan kawalan di kawasan pengairan dan sempadan daratan untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini.

SISWAZAH MENGANGGUR

17. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Buruh menyatakan berapa ramai pengangguran di kalangan:

- (a) siswazah lulusan Universiti dalam dan luar negeri;
- (b) dari Institut Pusat Pengajian Tinggi dalam negeri; dan
- (c) apakah tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan.

Datuk William Lye Chee Hien: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, saya akan menjawab bahagian (a) dan (b) dengan sekali gus. Bilangan penganggur siswazah lulusan Universiti dalam dan luar negeri serta lulusan Institut Pusat Pengajian Tinggi pada akhir tahun 1985 yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat di Kementerian saya adalah berjumlah 2,097 orang. Pecahan mereka adalah seperti berikut:

- (i) siswazah lulusan Universiti dalam dan luar negeri yang menganggur ialah seramai 1,216 orang; dan
- (ii) siswazah lulusan Institut Pusat Pengajian Tinggi dalam dan luar negeri pula ialah seramai 881 orang.

Di samping itu, siswazah pemegang biasiswa/dermiswa Persekutuan tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam

yang menganggur pada 15-3-1986 adalah seperti berikut:

- (i) siswazah lulusan Universiti dalam dan luar negeri adalah seramai 1,574 orang; dan
 - (ii) siswazah lulusan Institut Pusat Pengajian Tinggi dalam dan luar negeri adalah seramai 2,101 orang.
- (a) Untuk membantu mengurangkan pengangguran dikalangan mereka, Kerajaan sedang dan akan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
- (i) menyediakan pekerjaan sementara untuk siswazah-siswazah yang menganggur dengan menempatkan mereka di agensi-agensi atau projek-projek Kerajaan;
 - (ii) menjalankan pengawasan yang berterusan untuk memastikan bahawa pengeluaran dari sistem pelajaran dan latihan adalah mencukupi dari segi bilangan dan sesuai serta praktikal dari segi kemahiran, latihan, pengalaman dan sistem nilai dan ethika;
 - (iii) menggalakkan siswazah-siswazah yang menganggur mendaftar dengan Pejabat-pejabat Pekerjaan dan juga menggalakkan para majikan melaporkan kekosongan jawatan kepada Pejabat-pejabat pekerjaan.

KAMPUNG BARU— MEMPERBAIKI

18. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa ekorannya daripada

pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Kerajaan akan memperbaiki keadaan kampung-kampung baru apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Chan Siang Sun): Mulai tahun 1986 iaitu Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian saya telahpun menggariskan dua matlamat utama dalam pembangunan kampung-kampung baru:

- (a) Menjadikan kampung baru sebagai kawasan petempatan manusia yang sempurna melalui penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sosio-ekonomi yang diperlukan; dan
- (b) Memajukan kampung-kampung baru yang berpotensi dan sesuai sebagai pusat pertumbuhan ekonomi dan bandar baru berlandaskan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang moden dan industri-industri ringan.

Sesuai dengan kedua matlamat utama ini, Kementerian saya sedang dalam peringkat akhir menyediakan satu kajian awalan klasifikasi kampung-kampung baru yang bertujuan mengklaskan semua kampung-kampung baru kepada kategori dan jenis untuk mengenalpasti strategi-strategi pembangunan yang sesuai mengikut jenis dan kategori kampung baru. Antara lain, kampung-kampung baru yang didapati berpotensi dan sesuai akan dimajukan menjadi pusat-pusat pertumbuhan ekonomi dan bandar baru dengan peruntukan tambahan khas. Ini merupakan sebagai rancangan jangka panjang untuk memajukan dan membangunkan kampung-kampung baru tersebut. Di kampung-kampung baru di mana nasih terdapat kekurangan

kemudahan infrastruktur dan sosio-ekonomi, projek-projek pembangunan seperti pembinaan jalan, perparitan dan kemudahan-kemudahan asas yang lain akan dipergiatkan untuk memastikan bahawa semua kampung-kampung baru akan menjadi satu kawasan petempatan yang sempurna. Bagi maksud ini, Kementerian saya telah diberi satu peruntukkan sebanyak \$25 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Kampung-kampung baru akan dimajukan secara berperingkat-peringkat untuk dijadikan kawasan petempatan yang sempurna.

EKSPORT BUAH-BUAHAN TEMPATAN

19. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian telah berjaya untuk mengeksport buah-buahan tempatan ke luar negeri dan nyatakan jenis buah-buahan yang dipasarkan di pasaran antarabangsa.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tahun 1985 sahaja iaitu sehingga akhir bulan Oktober 1985, Malaysia telah berjaya mengeksport buah-buahan tempatan yang terdiri dari pisang, mempelam, betik, nenas, manggis, rambutan, durian dan tembikai sebanyak 82,039.22 tan dan bernilai sebanyak \$45,226,353. Destinasi pasaran eksport buah-buahan tempatan Malaysia seperti yang dinyatakan di atas, kebanyakan dipasarkan ke Singapura disamping pasaran-pasaran lain seperti di Hong Kong, Jepun, Brunei Darussalam, Australia, United Kingdom, Sweden dan Filipina.

BANK PERDAGANGAN/ SYARIKAT KEWANGAN— RAKYAT KETURUNAN INDIA

20. Dato' Dr K. S. Nijhar minta Menteri Kewangan menyatakan sama

ada benar bahawa tidak satu pun Bank Perdagangan, Syarikat oleh rakyat Malaysia keturunan India, dan tidak ada satu pun Bank atau Syarikat Kewangan atau lain-lain institusi kewangan pada hari ini yang Pengerusinya terdiri dari rakyat Malaysia keturunan India dan cuma sebilangan kecil sahaja rakyat Malaysia keturunan India mengisi jawatan-jawatan eksekutif dan pengurusan di Bank-bank dan Syarikat-syarikat Kewangan serta institusi-institusi Kewangan ini, dan sekiranya benar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, terdapat 38 buah Bank-bank Perdagangan di Malaysia, yang terdiri daripada 22 bank tempatan dan 16 bank asing.

Pada 31hb Disember, 1985, 91.9% daripada jumlah modal bank-bank perdagangan dimiliki oleh rakyat Malaysia, dengan kepentingan bukan Bumiputera termasuk rakyat Malaysia keturunan India sebanyak 17.3%. Pada tarikh yang sama juga, kepentingan bukan Bumiputera merupakan 44.2% daripada modal berbayar syarikat-syarikat kewangan dan 6% daripada modal berbayar bank-bank saudagar. Pada 30hb September, 1985, kepentingan bukan Bumiputera merupakan 3% daripada modal berbayar syarikat-syarikat diskaun.

Pada akhir tahun 1985, kakitangan keturunan India merupakan masing-masingnya sebanyak 8.4%, 2.6% dan 5.6% daripada jumlah kakitangan dalam bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar. Di peringkat pengurusan kanan dan penyeliaan pula, nisbah kakitangan keturunan India di dalam

perkhidmatan bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar masing-masingnya merupakan 4.6%, 0.9% dan 3.3%. Pada 30hb September, 1985, jumlah kakitangan bukan Bumiputera dalam syarikat diskaun merupakan 30.5% dan 34.8% daripadanya adalah terdiri daripada kakitangan peringkat eksekutif.

Adalah benar bahawa pada masa ini tidak terdapat Pengerusi keturunan India di mana-mana bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat diskaun. Walau bagaimanapun, saya harus menyatakan bahawa perlantikan seorang Pengerusi institusi kewangan adalah hak pemegang-pemegang saham institusi-institusi kewangan berkenaan, dengan persetujuan Menteri Kewangan. Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia akan berusaha untuk memastikan bahawa institusi-institusi kewangan akan mematuhi objektif-objektif Dasar ekonomi Baru.

IMPORT SAYUR-SAYURAN DARI INDONESIA/ THAILAND

21. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan untuk mengimport sayur-sayuran dari negara Indonesia dan Thailand bagi tahun-tahun 1983, 1984 dan 1985.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Untuk makluman Yang Berhormat Dato', sejumlah \$4.97 juta telah dibelanjakan untuk mengimport berbagai jenis sayuran dari Indonesia pada tahun 1983. Angka ini telah meningkat kepada \$8.04 juta pada 1984 dan bagi tempoh sebelas bulan pertama 1985, sayur-sayuran bernilai \$7.3 juta telah diimport dari Indonesia.

Nilai import dari Thailand ialah \$1.05 juta pada tahun 1983, \$2.3 juta pada tahun 1984 dan \$2.78 juta bagi 1985.

Import utama dari Indonesia adalah terdiri dari kubis yang berjumlah 22,600 tonne pada tahun 1983, 26,953 tonne pada tahun 1984 dan 23,721 tonne pada 1985 dengan kos import purata \$210 setan cif pada tahun 1983, \$291 pada 1984 dan \$298 pada tahun 1985.

Komponen tersebut import sayur-sayuran dari Thailand ialah cili hidup di mana 3,045 tonne telah diimport pada tahun 1983, 3,274 tonne pada tahun 1984 dan 1,855 tonne pada 1985 dengan nilai import purata cif \$264 setonne pada 1983, \$457 pada 1984 dan \$498 pada 1985.

HARGA BARANG-BARANG PETROLEUM

22. Tuan Tiong Hiew King minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, ketika harga petroleum telah turun, mengapa harga jualan disel di dalam negara kita negeri pengeluar petroleum lebih tinggi daripada negara jiran Singapura umpamanya.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Harga runcit barang-barang petroleum sentiasa dikaji mengikut formula yang telahpun dijelaskan kepada Dewan yang mulia ini. Dalam tahun ini sahaja harga runcit barang-barang petroleum telah diturunkan sebanyak dua kali, iaitu pada 1-3-1986 dan 1-4-1986.

Mengikut perubahan harga pada 1-4-1986, harga runcit disel ex-Kuala Lumpur ialah 45.7 sen seliter manakala harga disel di negara-negara jiran ialah 48.4 sen seliter di Singapura dan 67.7 sen seliter di Thailand. Di sini dapat dilihat bahawa harga runcit disel di Malaysia adalah pada paras yang berpatutan.

ANGKATAN TENTERA— MELANJUTKAN PERKHIDMATAN

3. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim unta Menteri Pertahanan

menyatakan sebab-sebabnya Kementerian Pertahanan sering sekali melanjutkan perkhidmatan Pegawai-pegawai Tinggi Angkatan Tentera Malaysia sesudah mereka-mereka itu mencapai umur bersara.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Sebenarnya perkataan sering kali melanjutkan perkhidmatan Pegawai-pegawai Tinggi Angkatan Tentera Malaysia sesudah mereka mencapai paras umur bersara adalah kurang tepat, oleh kerana setakat ini hanya 4 orang sahaja pegawai tinggi Angkatan tentera Malaysia yang tergulung dalam kategori ini telah melanjutkan perkhidmatan mereka selepas mencapai paras umur bersara. Mengikut peruntukkan 20 (1) Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah lain) 1972 seseorang pegawai boleh dilanjutkan tempoh perkhidmatannya atas kehendak Yang di Pertuan Agong.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan ke empat-empat orang pegawai yang dimaksudkan itu masih diperlukan, sebab itulah perlanjutan tempoh perkhidmatan terpaksa dibuat.

TEKSI DI KUALA LUMPUR— PERKHIDMATAN

24. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa selalu sahaja terutama pada waktu petang iaitu selepas waktu pejabat dan pada hari-hari cuti, sangat susah untuk mendapat perkhidmatan teksi di Bandaraya Kuala Lumpur. Jika sedar, sama ada beliau akan mengeluarkan lebih banyak permit-permit teksi supaya rakyat yang tidak ada kenderaan sendiri mendapat perkhidmatan teksi yang lebih.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Kementerian saya sedar bahawa penumpang-penumpang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan teksi di Bandaraya Kuala Lumpur di masa-masa yang tertentu. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian saya sedang menyiapkan satu laporan kajian perkhidmatan teksi di KL dan PJ yang telah dimulakan pada pertengahan tahun lepas. Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah yang sesuai berpandukan kepada perakuan-perakuan laporan tersebut.

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN

25. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) reaksi sektor swasta terhadap Pelan Induk Perindustrian; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah badan Jawatankuasa penyelarar terdiri daripada wakil-wakil dari kedua-dua sektor swasta dan awam supaya terdapat pemahaman yang lebih jelas terhadap Pelan Induk Perindustrian dan tujuannya.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

- (a) Reaksi sektor swasta terhadap Pelan Induk Perindustrian adalah menggalakkan dan kini mereka sedang mengkaji syor-syor yang dibuat secara terperinci.
- (b) Buat masa ini, pihak Kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan sebuah badan Jawatankuasa penyelarar terdiri daripada wakil-wakil dari kedua-dua sektor swasta dan awam berhubung dengan Pelan Induk Perindustrian tersebut. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat

Unit Perancang Ekonomi telah ditugaskan untuk merangka Program Pelaksanaan bagi Pelan tersebut dan saya yakin pandangan-pandangan sektor swasta akan dipertimbangkan dalam pelaksanaan Pelan ini, kerana pihak swasta yang akan memainkan peranan yang penting untuk mencapai matlamat-matlamat Pelan tersebut.

KEWARGANEGARAAN MALAYSIA KETURUNAN TIONGHUA

26. Tuan Bee Yang Sek minta Menteri Dalam negeri menyatakan hingga akhir tahun 1985, berapa permohonan telah dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri, berapakah bilangan permohonan yang telah berjaya memperolehi kewarganegaraan Malaysia dan berapa peratusnya dari mereka ini terdiri dari kaum tionghua.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri dari 1-9-1957 hingga 31-12-1985 ialah 2,385,280.
- (b) Jumlah pemohon yang telah berjaya memperolehi kewarganegaraan Malaysia dalam tempoh masa yang sama ialah 2,281,819.
- (c) Kementerian ini tidak menyimpan permohonan kewarganegaraan mengikut pecahan kaum atau keturunan.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN TELUK INTAN

27. Tuan Kuan Peng Soon minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkembangan projek cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan di Teluk Intan.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan pejabat JPJ Teluk Intan adalah merupakan projek lanjutan yang telah dirancang sejak Rancangan Malaysia Ketiga lagi di mana sekeping tanah seluas 15 ekar terletak di Jalan Hutan Melintang—Teluk Intan telahpun diperolehi. Namun demikian oleh kerana peruntukan yang diberikan bagi projek ini adalah amat terhad, setakat ini hanya kerja-kerja penyediaan tapak seperti menimbus, merata dan memagar sahaja telah dapat dijalankan. Jabatan Pengangkutan Jalan walau bagaimanapun akan melaksanakan projek ini dengan seberapa segera apabila keadaan ekonomi negara pulih dan peruntukan yang diperlukan diperolehi.

GURU-GURU PELATIH— PENGAMBILAN

28. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan

memandangkan kekurangan tenaga guru-guru masih dialami oleh beberapa buah negeri adakah Kerajaan berniat untuk menambahkan bilangan pengambilan guru-guru pelatih. Jika ada sila beri pecahan mengikut kaum.

Tuan Ng Cheng Kiat: Kementerian Pelajaran memang bercadang hendak menambah pengambilan guru-guru pelatih di maktab-maktab perguruan bagi kursus perguruan sepenuh masa. Bagi tahun 1985 pengambilan guru pelatih berjumlah seramai 9,093 orang. Bilangan ini ditambah menjadi lebih kurang 9,685 bagi tahun 1986.

Pecahan pengambilan mengikut kaum bagi tahun 1986 tidak dapat diberi oleh kerana urusan pengambilan belum selesai lagi. Pecahan pengambilan mengikut kaum bagi tahun 1985 adalah seperti yang berikut:

		<i>Bumiputra</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Pegambilan Tahun 1985	Permohonan	25,788	4,732	1,286	144	31,950
	Pengambilan	6,941	1,602	521	29	9,093

DERMAGA KONTENA DI BUTTERWORTH

29. Tuan A. Shaik Dawood minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah projek Dermaga Kontena di Butterworth akan dimulakan.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Pembinaan Dermaga Kontena di Butterworth adalah ditangguhkan buat masa ini sementara menunggu hasil kajian pelabuhan-pelabuhan negara atau 'National Ports Study' akan diadakan pada tahun ini. Kajian ini akan menilai

kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan juga akan menentukan keperluan negara untuk kemudahan-kemudahan pelabuhan bagi masa-masa akan datang.

PENCEMARAN UDARA/ BANJIR

30. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar pencemaran udara kotor dan keadaan bencana alam seperti banjir di kawasan yang tidak sepatutnya

banjir yang kian meningkat di negara ini, dan apakah tindakan-tindakan yang telah dirancang bagi mengatasinya, terutama pencemaran bahan-bahan kotor di tempat-tempat kediaman, jenis-jenis penyakit yang merebak berpunca dari kekotoran udara di kawasan bandar-bandar.

Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Masalah banjir yang boleh menjejaskan sosio-ekonomi serta mendatangkan kesan-kesan buruk adalah di bawah jagaan Jabatan Parit dan Taliair dan terpulanglah kepada Jabatan tersebut untuk mengambil tindakan-tindakan yang tertentu bagi mengatasi masalah tersebut. Begitu juga berkenaan dengan bahan-bahan kotor di tempat-tempat kediaman yang mana adalah di bawah bidang kuasa pihak-pihak berkuasa tempatan masing-masing.

Kementerian adalah bertanggungjawab dengan masalah pencemaran udara dan tindakan-tindakan yang telah diambil ialah:

- (a) menguatkuasakan undang-undang seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling dengan peraturan-peraturannya yang ketat.
- (b) mengadakan dialog dengan pihak pengangkutan awam untuk mendapatkan kerjasama mereka.
- (c) mengadakan kempen kesedaran alam sekitar seperti yang telah dilancarkan di negeri Selangor pada 4 Mac 1986.

**PENYELUDUPAN BERAS/
DAUN TEMBAKAU/
BUAH-BUAHAN**

31. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Kewangan menyatakan

sama ada beliau sedar tentang masih berlakunya penyeludupan beras, daun tembakau dan buah-buahan, terutamanya di waktu malam melalui Sempadan Malaysia Thai, walaupun langkah-langkah kawalan ketat yang sedang dijalankan; dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang lebih berkesan sedang dijalankan bagi mencegah kegiatan tersebut, demi menjamin harga barangan tempatan berkenaan.

Tuan Daim Zainuddin: Penyeludupan beras, daun tembakau dan buah-buahan dari Thailand ke negara ini memanglah disedari.

Untuk mengatasi masalah ini, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah meningkatkan kegiatan pencegahannya di sekitar kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Langkah-langkah yang diambil bagi maksud ini ialah:

- (i) mengadakan lebih banyak sekatan jalanraya di tempat-tempat tertentu;
- (ii) menambah rondaan di sungai, laut dan darat;
- (iii) mengadakan kerjasama yang rapat dengan impoma-impoma untuk mendapat maklumat mengenai kegiatan penyeludupan itu;
- (iv) menjalankan operasi bersama dengan Unit Pencegah Penyeludupan;
- (v) membuat serbuan dan seranghendap berdasarkan maklumat yang diterima mengenai penyeludupan.

**KAMPUNG BARU—
PEMBANGUNAN**

32. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan

Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada dasar Kerajaan untuk memperbaiki keadaan kampung-kampung baru akan dipanjangkan kepada tempat-tempat yang lain di mana keadaan penduduk teruk dan tidak begitu sesuai.

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian saya hanya bertanggungjawab ke atas pembangunan kampung-kampung baru. Walau bagaimanapun, kawasan-kawasan di sekeliling kampung-kampung baru yang akan di bangunkan semula, akan juga menerima faedah daripada pembangunan tersebut.

PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH-SEKOLAH

33. Tuan Mohd. Yusof bin Kassim minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah yang telah didirikan pada tahun 1985 dan bilangan yang akan didirikan pada tahun ini (1986).

Tuan Ng Cheng Kiat: Bilangan projek pembinaan sekolah yang telah disiapkan dilaksanakan pada tahun 1985 ialah seperti yang berikut:

<i>Kawasan</i>	<i>Pelajaran Rendah Bil. Projek/ Bil. Bilik Darjah</i>	<i>Pelajaran Menengah Bil. Projek/ Bil. Bilik Darjah</i>
Semenanjung	110/626	47/391
Sarawak	4/13	5/60
Sabah	50/162	1/12
Jumlah	164/801	53/463

Bilangan yang dicadangkan bagi tahun 1986 adalah seperti yang berikut:

<i>Kawasan</i>	<i>Pelajaran Rendah Bil. Projek/ Bil. Bilik Darjah</i>	<i>Pelajaran Menengah Bil. Projek/ Bil. Bilik Darjah</i>
Semenanjung	294/2,600	137/1,813
Sarawak	30/348	9/246
Sabah	166/516	6/109
Jumlah	490/3,464	152/2,168

KEMELESETAN EKONOMI DUNIA—KESAN

34. Tuan Bee Yang Sek minta Perdana Menteri menyatakan dalam tempoh kemelesetan ekonomi dunia ini, apakah strategi yang telah, sedang dan akan digunakan oleh Kerajaan kita untuk mengatasi kesan rantainya (chain reaction).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Kerajaan telah menggubal berbagai strategi untuk mengatasi kesan rantaian dari kemelesetan ekonomi dunia. Selain daripada mengwujudkan peluang-peluang pekerjaan melalui pembinaan rumah kos rendah, pembukaan tanah baru dan pembinaan jalan raya, langkah-langkah juga ditumpukan bagi menambah kegiatan dalam negeri secara meningkatkan permintaan barang-barang dan perkhidmatan tempatan bagi memperbaiki pertumbuhan ekonomi dan kedudukan imbangan pembayaran, mengukuhkan kedudukan kewangan secara menyusun semula keutamaan projek-projek sektor awam, meninggikan tingkat tabungan awam dan swasta untuk pelaburan yang

produktif, menyediakan insentif bagi pelaburan sektor swasta serta memperbaiki kepercayaan awam terhadap ekonomi. Maklumat-maklumat lanjut mengenai langkah-langkah ini akan dikemukakan semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kelima di Dewan yang mulia ini pada petang ini.

Walau bagaimanapun, kejayaan strategi Kerajaan bergantung juga kepada sumbangan positif dengan usaha yang sungguh-sungguh dari sektor swasta, supaya dapat meningkatkan kegiatan mereka bagi meninggikan pertumbuhan ekonomi, dan juga orang-orang perseorangan supaya meninggikan kecekapan dan daya pengeluaran.

INDUSTRI KECIL— MEMAJUKAN

35. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam melaksanakan rancangan industri kecil, sejajar dengan pengumuman pihak Kerajaan yang menggalakkan kegiatan industri kecil secara lebih pesat dan aktif.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Dalam usaha membangun dan memajukan perusahaan kecil di seluruh negara Kementerian saya dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain telah menyediakan beberapa program bagi menggalakkan pertumbuhan dan kemajuannya. Program-program yang sedang dilaksanakan antara lain ialah:

(i) *Kemudahan Kewangan*

Satu skim pinjaman membangunkan perusahaan kecil telah dilaksanakan melalui pembiayaan Kerajaan dan pinjaman daripada Bank

Dunia yang berjumlah sebanyak \$230 juta yang dikhaskan untuk bumiputera. Selain dari itu pinjaman-pinjaman kepada perusahaan kecil juga disediakan oleh institusi-institusi kewangan Kerajaan seperti Bank Pembangunan Malaysia Bhd., MIDF, MARA dan Bank Pertanian Malaysia. Sementara itu melalui arahan Bank Negara pula, Bank-bank Perdagangan adalah dikehendaki menyediakan sebanyak 12.0% dari jumlah peruntukan pinjamannya khusus untuk perusahaan kecil dengan mengenakan kadar bunga yang lebih rendah kepada pengusaha-pengusaha kecil yang dibuat melalui Perdagangan Jaminan Kredit atau CGC.

(ii) *Kemudahan Infrastruktur*

Dari segi infrastruktur, iaitu pembangunan kawasan-kawasan kecil, Kementerian saya telah mengadakan dua program atau skim pembinaan kilang-kilang iaitu Skim Kilang Bimbingan dan kilang yang sama untuk dijual atau disewakan kepada pengusaha-pengusaha di atas kadar yang lebih rendah dari kadar biasa.

(ii) Sehingga sekarang, Skim Kilang Bimbingan ini telah pun dilaksanakan di Kelantan dan di Jengka dan Kuantan, Pahang adalah di dalam peringkat pembinaan. Sementara beberapa buah lagi adalah di peringkat perancangan, di antaranya ialah di Trengganu, Kedah, Johor dan Sarawak.

Bagi agensi-agensi lain pula perundingan adalah sedang dijalankan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi

mendapatkan tanah yang sesuai untuk pelaksanaan program ini.

(iii) *Kemudahan Teknikal dan Teknologi dan Pengurusan*

Dari segi teknikal dan teknologi pula, pengusaha-pengusaha kecil boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan dari agensi-agensi teknikal; seperti MARDI, SIRIM, FRI dan sebagainya yang diperlukan. Sementara itu sebagai langkah untuk mendedahkan usahawan-usahawan kecil di bidang teknologi yang sesuai dan moden, Kementerian saya telah pun menubuhkan Pusat Pameran dan Rujukan Teknologi untuk membantu perusahaan kecil mendapatkan maklumat berhubung dengan teknikal yang kemaskini khasnya mengenai projek yang boleh diceburi dan berpotensi. Sementara itu bantuan-bantuan latihan di bidang pengurusan pula adalah disediakan oleh agensi-agensi seperti Pusat Daya Pengeluaran negara dan Pusat Pembangunan Usahawan (MEDEC) di ITM, dengan bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan mereka dari segi pengurusan.

Menyentuh tentang kawasan luar bandar, walaupun usaha pembangunan perusahaan kecil ini meliputi seluruh pelusuk negara, namun penekanan adalah diberi kepada kawasan luar bandar dan juga kawasan kurang maju. Contohnya Pusat Industri Perakayuan KEDA di Tanah Merah, Jitra, Kedah dan Skim-skim Kilang Bimbingan sepertimana yang telah dinyatakan diawal tadi. Sementara itu kalau dikaji

kedudukan perusahaan kecil di seluruh negara dan khususnya di kalangan kaum bumiputera, ternyata sekali bahawa kebanyakannya terdapat di kawasan luar bandar ataupun di kawasan kurang maju. Di dalam konteks untuk membangunkan perusahaan kecil di negara kita ini, mereka ini adalah diberi segala bantuan dan bimbingan melalui pendekatan bersepadu di mana sahaja "input" dari agensi-agensi Kerajaan adalah disalurkan.

**BANK BUMIPUTRA—
PELANGGAN**

36. Puan Hasnah binti Mohd. Kassim minta Menteri Kewangan menyatakan semenjak berlakunya skandal BMF ada dakwaan menyatakan pelanggan-pelanggan kepada Bank Bumiputra (BBMB) makin merosot, benarkah dakwaan tersebut atau sebaliknya.

Tuan Daim Zainuddin: Dakwaan yang mengatakan pelanggan-pelanggan Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) makin merosot sejak berlakunya skandal BMF adalah tidak benar sama sekali. Seperti pada 31hb Ogos, 1982, jumlah akaun semasa, simpanan tetap dan akaun-akaun simpanan (saving accounts) di BBMB berjumlah 752,784. Seperti pada 28hb Februari, 1986, akaun-akaun tersebut telah meningkat sebanyak 1,176,689. Ini menunjukkan jumlah pelanggan-pelanggan Bank ini meningkat sebanyak 56.3% sejak berlakunya skandal itu (September 1982). Tidak ada sebab BBMB merosot kerana Kerajaan memberi sokongan penuh.

**LETUPAN BOM
DI SABAH—TANGKAPAN**

37. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai peristiwa letupan-letupan

bom di Kota Kinabalu, Sabah baru-baru ini, adakah peristiwa tersebut bermotif Politik Parti tertentu atau dilakukan oleh anasir-anasir subversif Parti Komunis Malaya dan nyatakan bilangan orang yang ditangkap oleh pihak Polis kerana disyaki terlibat dalam kejadian tersebut.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Setakat ini sejumlah 3,012 orang telah ditangkap dan sebilangan besar masih ditahan dan akan didakwa atas beberapa kesalahan jenayah termasuk yang disyaki terlibat dalam kejadian-kejadian letupan bom.

Setakat ini pihak polis belum lagi dapat memastikan sama ada kejadian-kejadian tersebut didorong oleh mana-mana parti politik tertentu atau sebaliknya dan tidak ada bukti yang kejadian-kejadian tersebut telah dilakukan oleh anasir-anasir subversif Parti Komunis Malaya (PKM). Pihak polis masih menjalankan siasatan dan jika ada bukti yang cukup, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka yang terlibat.

PERTUMBUHAN EKONOMI— GALAKAN

38. Dato' Dr K.S. Nijhar minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ahli-ahli perniagaan jemu dengan peraturan-peraturan yang keterlaluan berhubung dengan pelaburan, pemilikan pergabungan, "listing and Government red tape" dan ini mungkin salah satu sebab utama berlakunya kemerosotan ekonomi negara pada hari ini, dan sekiranya benar, apakah langkah-langkah yang dirancang akan diambil untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi bagi kepentingan negara.

Tuan Daim Zainuddin: Peraturan dan syarat-syarat yang ada pada masa kini tidak menjejaskan pertumbuhan

ekonomi negara. Sebaliknya kemerosotan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 1985 dan 1986 adalah disebabkan oleh kejatuhan harga barangan utama akibat dari permintaan yang lembab di pasaran antarabangsa. Di samping itu, sektor swasta juga tidak memberi sambutan yang memuaskan terhadap langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Segala peraturan dan syarat-syarat berhubung dengan pelaburan, pemilikan, pergabungan dan masalah-masalah pentadbiran sentiasa dikaji oleh Kerajaan bagi mewujudkan iklim pelaburan yang lebih menggalakkan kepada sektor swasta. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan termasuklah melonggarkan syarat-syarat pemilikan ekuiti oleh syarikat-syarikat asing dan pindaan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Di samping itu, Kerajaan telahpun membenarkan semula "listing", secara "selection" di Bursa Saham Kuala Lumpur. Prosidur-prosidur pentadbiran berhubung dengan permohonan lesen eksport dan sebagainya telahpun dilonggarkan.

Untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan telahpun bersetuju untuk memperakui 48 langkah-langkah bagi mengurangkan kesan-kesan kemelesetan ekonomi yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Jemaah Menteri mengenai kemelesetan ekonomi. Langkah-langkah tersebut adalah bertujuan untuk:

- (a) menambah peluang-peluang pekerjaan;
- (b) meningkatkan pertumbuhan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memperbaikiimbangan pembayaran;

- (c) memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan dengan cara menyusun semula kepentingan projek-projek sektor awam;
- (d) meningkatkan tahap simpanan sektor awam dan swasta;
- (e) meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap ekonomi negara.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, sektor swasta telah diberi peranan yang utama untuk mengembangkan ekonomi. Seajar dengan objektif ini, dasar dan langkah-langkah pentadbiran akan terus dikaji dan diubahsuai di mana perlu untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan dari dalam dan luar negeri. Saya percaya, dengan kerjasama yang lebih rapat antara Kerajaan dengan Sektor Swasta dan bertambahnya inisiatif sektor swasta untuk memajukan diri sendiri, ekonomi negara ini akan dapat terus berkembang dengan memuaskan.

SAGU HATI KEPADA PEMAJU MASYARAKAT

39. Tuan Harun bin Hassan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberi ganjaran suguhati kepada Pemaju-pemaju Masyarakat yang berhenti setelah berkhidmat dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat lebih daripada 5 tahun. Kalau tidak mengapa.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Kerajaan tidak bercadang hendak memberi ganjaran suguhati kepada Pemaju-pemaju Masyarakat yang berhenti setelah berkhidmat dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat sama ada mereka telah berkhidmat kurang atau lebih daripada lima (5) tahun. Ini adalah

memandangkan bahawa jawatan Pemaju Masyarakat adalah jawatan sementara yang dilantik atas dasar dari bulan ke bulan. Saya juga berpuashati dengan taraf jawatan sementara Pemaju Masyarakat dan berpendapat elaun bulanan yang diterima oleh mereka adalah memadai dan setimpal dengan tugas-tugas yang dilaksanakan sekarang.

PERUMAHAN UNTUK SETINGGAN

40. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbanyakkan pembinaan rumah kos rendah sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk membina rumah jenis ini sekurang-kurangnya 80,000 unit setahun dan untuk mengatasi masalah-masalah setingan di sekitar Kuala Lumpur yang semakin bertambah.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Program pembangunan perumahan kos rendah adalah merupakan program pembangunan yang sentiasa mendapat perhatian utama di Wilayah Persekutuan setiap tahun. Ianya bukan sahaja bagi tujuan untuk mengatasi masalah-masalah perumahan untuk setingan di Kuala Lumpur malahan juga untuk memenuhi kehendak-kehendak pemohon yang telah di daftarkan di Dewan Bandaraya.

Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama Dewan Bandaraya merancang membina banyak lagi rumah-rumah kos rendah melalui:

- (a) *Perlaksanaan Cara Penswastaan*
Melalui cara ini Kementerian Wilayah Persekutuan akan membangunkan semula 8 kawasan. Sebanyak 8,773 unit rumah kos rendah dirancang

dibina di 8 kawasan ini (Lampiran A). Di samping itu Dewan Bandaraya juga telah sedang melaksanakan projeknya di tiga buah kawasan dan sebanyak 5,913 unit rumah kos rendah dirancang untuk dibina (Lampiran B).

(b) *Perlaksanaan Pembinaan Melalui Sistem Biasa*

Selain daripada program khas pembinaan rumah melalui penswastaaan, pembinaan rumah kos rendah tetap diteruskan. Dalam perkara ini Dewan Bandaraya merancang membina 3,388 unit rumah kos rendah dalam tempuh Rancangan Malaysia Ke Lima.

(c) *Program Pembinaan Rumah Persatuan Pemaju Perumahan*

Dalam masa tiga tahun akan datang ini pihak Persatuan Pemaju Perumahan bercadang membina sebanyak 17,000 unit rumah kos rendah. Pihak Kerajaan akan memberi segala bantuan yang perlu bagi mencapai matlamat pembinaan 17,000 unit ini.

Kementerian ini dari semasa ke semasa memang mengambil langkah sewajarnya mengenalpasti tanah-tanah Kerajaan yang sesuai untuk dibangunkan. Sekiranya ada sesuatu kawasan yang sudah dikenalpasti maka ini bermakna banyak lagi rumah kos rendah akan dibina.

LAMPIRAN "A"

**PROJEK KEMENTERIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**

<i>Nama Projek</i>	<i>Bilangan Unit</i>
1. Kampung Pandan Tengah	1,700
2. Kampung Pasir Wardieburn	1,500
3. Kampung Sentosa	2,542

<i>Nama Projek</i>	<i>Bilangan Unit</i>
4. Kampung Pasir/Chubadak Tambahan	1,700
5. Kampung Bakti Selayang ..	200
6. Kampung Bohol	400
7. Jalan Berhala Brickfields ..	156
8. Kampung Pakar	575
JUMLAH ..	8,773

LAMPIRAN "B"

**PROJEK DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR**

<i>Nama Projek</i>	<i>Bilangan Unit</i>
1. Wangsa Maju	3,970
2. Kampong Selamat	1,547
3. Kampung Haji Abdullah Hukom	396
JUMLAH ..	5,913

(Soalan No. 41. Sila lihat Jawapan No. 9 pada 8-4-86)

**PERMOHONAN UNTUK
WARGANEGARA**

42. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan-permohonan untuk Sijil Kerakyatan Malaysia yang masih belum diputuskan mengikut bangsa dan bilangan permohonan-permohonan bagi:

- (a) 1 tahun — 3 tahun
- (b) 3 tahun — 6 tahun
- (c) 6 tahun — 10 tahun
- (d) lebih 10 tahun

dan kenapa keputusan atas sesuatu permohonan tidak dapat diselesaikan dalam setahun.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:
Jumlah permohonan untuk

warganegara yang sedang diproses adalah seperti berikut:

- (a) 1 tahun — 3 tahun = 804
- (b) 3 tahun — 6 tahun = 990
- (c) 6 tahun — 8 tahun = 568
- (d) lebih 10 tahun = Tiada

Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod permohonan untuk kewarganegaraan Malaysia mengikut pecahan kaum.

Setiap permohonan untuk kewarganegaraan Malaysia adalah dikaji dengan teliti untuk memastikan kebenaran maklumat yang diberikan oleh pemohon bagi menjamin hanya mereka yang benar-benar memenuhi syarat dan kelayakan seperti yang ditetapkan oleh perlembagaan Malaysia hanya dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia. Proses ini memakan masa. Ianya tidak mempunyai tempoh masa yang tertentu. Walau bagaimanapun masa yang digunakan itu adalah tidak melebihi masa yang diperlukan itu.

UNIVERSITI TAK DIIKTIRAF— PELAJAR BIASISWA/ PINJAMAN

43. Tuan Harun bin Hassan minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar dakwaan terdapat sebilangan kecil pelajar yang menuntut di universiti-universiti luar negeri yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia mendapat biasiswa/pinjaman dari JPA di mana mereka sukar mendapat pekerjaan apabila pulang ke negara ini. Kalau benar kenapa ia boleh berlaku.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Mengikut dasar yang ada sekarang, penempatan pelajar-pelajar anjuran Kerajaan di luar negeri hendaklah di universiti-universiti yang diiktiraf

oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, bagi penghantaran pelajar-pelajar pada masa-masa yang lepas, memang terdapat sebilangan kecil pelajar yang telah ditempatkan di universiti-universiti yang tidak diiktiraf. Perkara ini bukanlah satu masalah yang besar dan telah diatasi melalui penempatan pada tahun-tahun berikutnya.

SUKAN SEBAGAI MATAPELAJARAN WAJIB DI SEKOLAH

44. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai sebarang hasrat untuk menjadikan sukan sebagai matapelajaran wajib di sekolah-sekolah dan juga menjadikannya kursus peringkat ijazah di universiti-universiti tempatan.

Tuan Ng Cheng Kiat: Sukan adalah sebahagian daripada matapelajaran Pendidikan di sekolah-sekolah. Matapelajaran ini adalah diwajibkan di semua sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Mengenai kursus di peringkat ijazah, Universiti Pertanian Malaysia telah pun menjalankan kursus Pendidikan Jasmani dan Sukan semenjak tahun 1979 lagi.

KEMPEN KEBERSIHAN

45. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana keberkesanan kempen kebersihan yang telah dilancarkan dan tanda-tanda jangan membuang sampah untuk menjaga kebersihan bandar-bandar kita. Adakah Pegawai Penguatkuasa mencukupi bagi tujuan tersebut sekali menjelang sedang PATA ini.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Sejak Kempen Kebersihan Seluruh Negara dilancarkan pada 2 Oktober

1983 dan dengan adanya tindakan-tindakan susulan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Jawatankuasa Kebersihan Seluruh Negara, keadaan kebersihan persekitaran terutamanya di kawasan-kawasan bandar telah menampakkan kesan-kesan yang positif di mana paras kebersihan dan kesedaran orang ramai tentang kebersihan adalah lebih baik berbanding dengan keadaan sebelumnya. Di antara tindakan-tindakan susulan yang dibuat ialah:

- mengadakan lawatan-lawatan menjejut ke setiap negeri;
- mengemukakan laporan-laporan lawatan menjejut kepada Penguasa-penguasa Tempatan dan Kerajaan Negeri untuk diambil tindakan lanjut;
- Penguasa-penguasa Tempatan diberi ingatan supaya:
 - (i) menyediakan tempat-tempat membuang sampah yang sesuai dan secukupnya terutama di tempat-tempat yang menjadi tumpuan awam;
 - (ii) menjaga kebersihan tandas-tandas awam;
 - (iii) mengadakan publisiti yang mengingatkan orang ramai mengenai kebersihan pesekitaran;
 - (iv) melaksanakan kuatkuasa undang-undang kecil sampah sarap;
 - (v) mengemukakan laporan balas mengenai laporan-laporan akhbar mengenai paras kebersihannya kurang memuaskan.

Mengenai bilangan Pegawai-pegawai Penguatkuasa, setengah-setengah Penguasa Tempatan tidak mempunyai pegawai yang mencukupi yang disebabkan Penguasa-penguasa

Tempatan itu mengalami masalah punca-punca kewangan. Walau bagaimanapun, masalah ini akan dapat diatasi sekiranya orang ramai memberi kerjasama kepada penguasa-penguasa Tempatan dengan cara membuang sampah sarap dengan cara yang betul, yang mustahak sekali ialah kesedaran orang ramai itu sendiri, dan di sinilah peranan ahli-ahli Yang Berhormat diperlukan untuk sama-sama memainkan peranan menyeru dan menjadi contoh kepada penduduk-penduduk setempat mengamalkan cara hidup yang mengutamakan kebersihan.

Mengenai persidangan PATA, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah tertentu dan menggesa pihak-pihak Penguasa Tempatan mengambil tindakan yang perlu untuk menjaga kebersihan dan pengindahan kawasan masing-masing.

PINJAMAN BANK BAGI BUMIPUTERA— BAYARAN

46. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bank-bank di dalam negara kita ini sedang menekan pengusaha-pengusaha dan syarikat bumiputera supaya membayar balik pinjaman kepada bank mengikut perjanjian yang telah dibuat sedangkan negara kita sedang mengalami kemelesetan ekonomi, tidak bolehkah pihak beliau mempengaruhi bank-bank supaya dapat meringankan tekanan.

Tuan Daim Zainuddin: Kementerian sedar bahawa di dalam keadaan pertumbuhan ekonomi negara yang perlahan ramai peniaga-peniaga Bumiputera yang mengalami kesulitan kerana tindakan institusi kewangan mendesak para peminjam untuk membayar balik pinjaman

mereka. Bagaimanapun, perkara ini telahpun dibangkitkan dengan institusi-institusi kewangan. Institusi-institusi kewangan ini telah diberitahu bahawa di dalam keadaan ekonomi pada masa ini, tindakan mereka mendesak para peminjam, supaya membayar balik pinjaman mereka amat dikesali. Bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan telah dinasihatkan supaya memberi layanan yang lebih bersimpati kepada para usahawan Bumiputera yang mengalami kesulitan disebabkan kemelesetan ekonomi dalam bagai manapun. Walau bagaimanapun, pihak bank akan meneliti setiap kes secara satu persatu sebelum keputusan dibuat sama ada langkah-langkah akan diambil untuk melonggarkan peraturan mengenai bayaran pinjaman, atau tidak. Di samping ini, pihak bank juga mesti memastikan bahawa kestabilan sistem kewangan tidak digugat oleh hutang lapuk yang

mungkin meningkat akibat kelonggaran ini.

PENUNTUT BIASISWA KELUAR NEGERI

47. Tuan D.P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah penuntut-penuntut dengan kelayakan MCE/SPM yang telah dihantar ke luar negeri untuk pelajaran tinggi bagi 1985 serta butir-butir pecahan mengikut kursus yang diambil oleh mereka.

Tuan Ng Cheng Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penuntut lepasan SPM/MCE yang dihantar ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi pada tahun 1985 ialah seramai 2,547 orang. Taburan penuntut mengikut kursus ialah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Kursus</i>	<i>Jumlah</i>	<i>Bil.</i>	<i>Kursus</i>	<i>Jumlah</i>
1.	Sains	97	8	Akauntasi	208
2.	Kejuruteraan	985	9	Valuation/ Estate Management	33
3.	Senibina	177	10	Undang-undang	35
4.	Perubatan	12	11	Pengurusan/ Pentadbiran	509
5.	Statistik/ Maths/ Sains Komputer	142	12	Perancangan Bandar dan Wilayah	43
6.	Ukur Bahan	19	13	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua	151
7.	Ekonomi	132	14	Geology	4
JUMLAH ..		1,564	JUMLAH ..		983

Jumlah keseluruhan = 2,547

MAHKAMAH RENDAH— PEMBINAAN

48. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membina mahkamah-mahkamah rendah seluruh negara menggantikan bangunan Mahkamah yang dibangunkan sebelum merdeka sesuai dengan pembangunan negara yang pesat sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Kerajaan bercadang untuk membina 28 buah Mahkamah Rendah di seluruh negara dalam rancangan Malaysia Kelima. Dari jumlah ini 26 buah daripadanya adalah untuk menggantikan mahkamah lama.

Sungguhpun terdapat banyak bangunan-bangunan mahkamah lama, tidak semua bangunan mahkamah yang lama itu (bangunan sebelum merdeka) perlu diganti dengan yang baru seluruhnya. Bergantung kepada keadaan sesuatu mahkamah itu, sebilangan daripadanya hanya memerlukan pembaikan dan pengubahsuaian sahaja dan ini dibuat dari masa ke semasa. Ada di antaranya pula kerja-kerja pembesaran telah pun dilaksanakan.

MEMILIKI RUMAH DARI CARUMAN KWSP

49. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian akan bercadang untuk memberi peluang kepada pencaruman KWSP mengeluarkan sebahagian caruman mereka bagi memperbaiki dan mengubahsuaikan rumah-rumah mereka yang telah sedia ada.

Tuan Daim Zainuddin: sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, KWSP mempunyai sekim bagi

mbolehkan pencarumannya mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka untuk tujuan memiliki rumah sendiri. Oleh kerana sekim ini adalah berpatutan buat masa ini, maka Kerajaan tidak bercadang untuk memberi peluang kepada pencaruman-pencarum KWSP untuk mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka bagi tujuan memperbaiki dan mengubahsuaikan rumah-rumah mereka yang sedia ada.

PENDATANG HARAM VIETNAM

50. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sehingga Februari 1986 berapa ramai jumlah pelarian Vietnam yang berada di dalam negeri kita. Berapa ramai mereka yang telah dipindahkan ke negara ketiga.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Pada akhir bulan Disember 1985, seramai 8,451 orang pendatang haram Vietnam berada di dalam negara ini. Dalam bulan Januari dan Februari 1986, seramai 926 orang pendatang haram baru telah mendarat dan seramai 1,105 telah dipindahkan ke negara-negara ketiga. Pada akhir bulan Februari 1986, seramai 8,272 orang pendatang haram masih berada di Malaysia.

PEMINDAHAN TEKNOLOGI OLEH KONTRAKTOR ASING

51. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa objektif pemindahan teknologi sebagai faedah sampingan semasa memberikan kerja-kerja kontrak kepada kontraktor-kontraktor asing tidak tercapai seperti yang diharapkan. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan

diambil bagi menjayakan matlamat pemindahan teknologi ini.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Berdasarkan kepada beberapa projek yang telah dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor asing seperti Projek Pembinaan Jambatan Pulau Pinang, Projek Dayabumi, Projek Bangunan PNB dan Projek Lebuh raya Tol Changkat Jering-Ipoh, Kerajaan berpuashati dengan pemindahan teknologi yang dibuat melalui skim-skim latihan in-situ di projek-projek tersebut. Teknologi-teknologi yang terlibat meliputi bidang-bidang yang luas seperti rekabentuk kejuruteraan, pengurusan pembinaan, kawalan mutu dan kerja-kerja kemahiran dan aspek-aspek pengurusan tapak.

Dalam pada itu Kerajaan sedar masih ada beberapa kelemahan di dalam pemindahan teknologi dari kontraktor asing kepada pekerja-pekerja Malaysia. Tindakan sedang diambil bagi memperbaiki kelemahan sistem yang ada sekarang secara memasukkan syarat-syarat baru dalam kontrak mengikut kontraktor-kontraktor asing mematuhi sepenuhnya peruntukan keperluan pemindahan teknologi.

Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat, bahawa teknologi adalah satu proses yang dinamik dan berubah dari semasa ke semasa. Oleh itu pemindahan teknologi adalah satu proses yang berterusan dan pencapaian kita dalam satu-satu teknologi tidak dapat diukur atau dinilai dalam bentuk angka, nisbah atau peratus. Atas hakikat ini maka rancangan-rancangan pemindahan teknologi akan dilaksanakan mengikut keperluan negara. Pencapaian kita dengan ini bergantung kepada kesungguhan dan kesediaan menerima dengan daya positif akan kemahiran-kemahiran yang diketangahkan oleh mereka yang mahir dalam bidang-bidang mereka.

[Soalan No. 52. Sila lihat Jawapan No. 9 pada 8-4-86]

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA 1986-1990

4.02 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat, bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama, iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan; melulus dan menyetujui Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk menyesuaikan dan menumpukan dasar-dasar dan program-program bagi mengekalkan perkembangan sosio-ekonomi dan menjamin kestabilan ekonomi dalam jangka panjang serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 15/86. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelima ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi serta melengkapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran sosio-ekonomi dan politik yang lebih besar selaras dengan Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rancangan Pembangunan Lima Tahun di Parlimen merupakan

peristiwa penting bagi negara. Peristiwa seperti ini memerlukan Ahli-ahli Parlimen membahas tentang arah dasar-dasar dan program-program yang dicadangkan bagi pembangunan sosio-ekonomi negara kita untuk 5 tahun akan datang.

Kini penyediaan dokumen Rancangan Malaysia Kelima telah selesai dan tibalah masanya bagi kita membahaskan mengenai dokumen tersebut. Dokumen Rancangan Malaysia Kelima telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 21hb Mac dan telah dibahas dengan penuh minat. Saya percaya pembentangan dokumen ini di Dewan yang mulia pada hari ini akan juga menimbulkan minat di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kita semua terlibat, sama ada secara langsung ataupun tidak, dengan program-program yang akan dilaksanakan dalam Rancangan tersebut pada masa hadapan.

Berlainan daripada Rancangan-rancangan Lima Tahun sebelumnya, Rancangan Malaysia Kelima telah dirangka dalam keadaan sosio-ekonomi yang luar biasa. Kemelesetan ekonomi antarabangsa pada tahun-tahun awal lapan puluhan dan kelembapan ekonomi semasa di samping perkembangan-perkembangan terbaru dalam negeri telah menimbulkan kesan yang buruk ke atas pencapaian dan prestasi pembangunan negara terutamanya dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Dalam menghadapi keadaan yang sukar ini, adalah perlu bagi kita sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka mengambil kira perkembangan-perkembangan tersebut dan memberi penuh perhatian kepada perkara-perkara yang berlaku di sekeliling kita. Semua ini adalah perlu untuk membolehkan kita menentu arah yang sesuai bagi pembangunan

sosio-ekonomi pada masa hadapan terutamanya dalam tempoh 5 tahun akan datang.

Sesungguhnya segala dasar, strategi dan pendekatan yang terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima telah dirangka setelah semua halangan dan masalah yang dihadapi oleh negara sama ada yang timbul dari dalam atau luar negeri dianalisa dan dipertimbangkan dengan mendalam. Rancangan tersebut telah dirangka atas kesedaran bahawa kita perlu bertindak segera terhadap segala cabaran dengan bijak berpandukan kepada pengalaman yang lalu dan juga secara pragmatik dengan mengambil kira sepenuhnya halangan dan masalah sosio-ekonomi yang kita hadapi.

Dalam meneruskan usaha pembangunan untuk mencapai pertumbuhan, adalah menjadi falsafah kita bahawa kita bukan sahaja perlu mengambil kira keadaan luar negeri bagi menghadapi faktor-faktor pasaran secara berkesan tetapi juga keadaan dalam negeri dan menilai diri sendiri untuk mewujudkan suasana sosial dan sikap yang sesuai dan menggalakkan bagi kemajuan dan pembangunan seterusnya. Kita hendaklah sedar bahawa bagi mencapai pertumbuhan dan kemajuan negara seterusnya, kita perlu menimbulkan keyakinan rakyat terhadap ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya selanjutnya, saya akan memberi gambaran mengenai kemajuan dan pencapaian usaha-usaha pembangunan yang lepas, terutamanya dalam tempoh 5 tahun yang lalu. Ini akan diikuti dengan keterangan ringkas tentang prospek pertumbuhan dalam tempoh 5 tahun akan datang. Akhir sekali saya akan menggariskan strategi dan teras pembangunan yang telah dirangka dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Tempoh 1981 sehingga 1985 adalah tahun-tahun yang sukar dan mencabar bagi negara. Kemelesetan ekonomi di negara-negara perindustrian terutamanya rakan-rakan perdagangan utama kita dan Belanjawan Kerajaan yang telah dikurangkan dengan tujuan mengurangkan defisit imbalan pembayaran telah memberi kesan yang buruk terhadap prestasi ekonomi Malaysia. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut nilai sebenar telah berkembang pada kadar kira-kira 5.8% setahun dalam tempoh tersebut. Pencapaian yang sederhana ini adalah lebih rendah daripada pertumbuhan yang dicapai dalam tahun-tahun tujuh puluhan iaitu sebanyak 7.6% setahun. Ini adalah disebabkan bukan sahaja oleh kemelesetan ekonomi antarabangsa keseluruhannya, tetapi juga oleh beberapa halangan struktur yang terdapat di dalam ekonomi dalam negeri.

Keluaran bagi kebanyakan sektor telah mencapai kadar pertumbuhan yang lebih perlahan dalam tahun 1981/1985.

Bagi sektor pertanian yang merupakan sektor pertama yang terbesar, pertumbuhan keluaran telah dapat dikekalkan terutamanya oleh hasil daripada pengeluaran minyak kelapa sawit yang meningkat, manakala prestasi sektor perlombongan dan kuari telah dapat dikekalkan melalui pengeluaran petroleum mentah dan gas asli cecair yang bertambah.

Sektor kedua yang merangkumi kegiatan-kegiatan pembuatan dan pembinaan telah berkembang pada kadar yang lebih perlahan daripada yang dijangka. Pertumbuhan yang lebih perlahan bagi sektor pembuatan dalam tahun 1985 menunjukkan bahawa ianya mudah dipengaruhi oleh faktor-faktor ekonomi luar negeri.

Sektor pembinaan yang merupakan salah satu daripada sektor-sektor yang mencapai pertumbuhan yang paling tinggi dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat telah berkembang dengan pesatnya pada awal tempoh tersebut. Ini adalah disebabkan sebahagian besar oleh perbelanjaan awam telah bertambah terutamanya bagi pembangunan infrastruktur dan kegiatan pembinaan oleh sektor swasta. Walau bagaimanapun, sektor pembinaan telah berkembang dengan perlahan selepas tahun 1983 apabila perbelanjaan Kerajaan telah dikurangkan dan permintaan hartanah menjadi lembab.

Sektor ketiga yang merangkumi sektor perkhidmatan pada keseluruhannya telah berkembang dengan sederhana. Dari segi permintaan, perkembangan ekonomi adalah berpunca daripada dua faktor. Dalam tahun-tahun 1981 dan 1982 apabila perbelanjaan sektor swasta semakin berkurangan dan sektor luar negeri menjadi lembab, pertumbuhan ekonomi telah dapat dikekalkan melalui perbelanjaan sektor awam yang besar. Peningkatan perbelanjaan Kerajaan dalam tahun-tahun tersebut walau bagaimanapun telah mengakibatkan bertambahnya masalah kewangan Kerajaan dan ini telah memaksa Kerajaan mengkaji semula dasar perbelanjaannya.

Dalam tahun 1982 hingga 1984 sektor luar negeri telah menjadi penggerak dalam pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1985 sektor ini tidak lagi memainkan peranan tersebut. Pada keseluruhannya pertumbuhan ekonomi adalah lembab dalam tempoh 1981 hingga 1985. Namun demikian, beberapa kejayaan telah dicapai oleh negara dalam tempoh tersebut. Antara kejayaan-kejayaan yang boleh dibanggakan adalah pencapaian dalam mengurangkan kadar kemiskinan, menyusun semula

masyarakat, menyediakan kemudahan-kemudahan asas, meningkatkan pengeluaran pertanian, meningkatkan pengeluaran barang-barang pembuatan untuk eksport dan mengurangkan defisit dalam anggaran belanjawan dan akaun semasa.

Dari segi usaha mengurangkan kemiskinan, pendapatan semua penduduk di Malaysia telah bertambah dan kadar kemiskinan telah berkurang. Anggaran secara langsung mengenai kemiskinan menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurang dengan banyaknya daripada kira-kira 40% pada tahun-tahun akhir 70an kepada kira-kira 18% pada tahun 1984. Kadar kemiskinan di semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak telah berkurang dalam tempoh tersebut.

Kemajuan pesat telah juga dicapai dalam usaha menyusun semula corak gunatenaga dan pemilikan harta di negara ini. Pembahagian gunatenaga secara keseluruhannya adalah mencerminkan komposisi kaum di negara-negara ini.

Pemilikan modal saham oleh pemastautin Malaysia telah pula meningkat daripada 57% daripada jumlah modal dibayar dalam sektor syarikat pada tahun 1980 kepada kira-kira 74% pada tahun 1985. Pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera telah mencapai kejayaan yang memuaskan dan penyertaan bumiputera dalam berbagai sektor dan kegiatan ekonomi telah meningkat.

Perkhidmatan-perkhidmatan untuk memenuhi keperluan-keperluan asas seperti pelajaran, kesihatan, bekalan air dan perumahan telah berkembang sementara kemudahan bekalan elektrik dan jalan disediakan dengan

lebih meluas. Semua ini telah dapat memperbaiki mutu kehidupan rakyat Malaysia.

Dari segi pelajaran, pelaburan yang besar telah dibuat untuk menyediakan lebih banyak kemudahan dan peluang pelajaran kepada semua rakyat terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan di kawasan luar bandar.

Dalam usaha memperluaskan perkhidmatan kesihatan, pendekatan secara bersepadu dalam aspek-aspek penggalakan, pencegahan, penyembuhan dan pemulihan telah diberi penekanan. Kemudahan tambahan telah disediakan dan kemudahan yang sedia ada dipertingkatkan, terutamanya di kawasan luar bandar. Hasil daripada usaha memperbaiki mutu kehidupan rakyat jangka hayat semasa lahir telah meningkat dan kadar kematian telah berkurangan.

Bilangan isi rumah yang disediakan dengan bekalan air paip dan elektrik di kawasan luar bandar dan di Kampung-kampung Baru telah juga bertambah. Pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat kira-kira 65% daripada isirumah di kawasan luar bandar telah dibekalkan dengan air paip dan 71% dengan elektrik, manakala kira-kira 87% daripada sejumlah 452 Kampung Baru telah dibekalkan dengan air paip dan 93% dengan elektrik. Sejumlah 25,450 unit rumah Kerajaan dan 70,160 unit rumah-rumah kos rendah, kos pertengahan dan kos tinggi telah dibina oleh sektor awam di samping 204,170 unit yang dibina oleh sektor swasta.

Pembinaan jalan-jalan telah bertambah daripada 28,870 kilometer dalam tahun 1980 kepada 42,330 kilometer dalam tahun 1985 dan ini

telah juga membantu meningkatkan mutu kehidupan dan taraf hidup rakyat.

Pencapaian kita dalam pengeluaran pertanian dapat dilihat melalui pertambahan yang besar bagi keluaran minyak kelapa sawit dan koko dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat serta pertambahan keluaran kayu balak yang pesat pada awal tempoh tersebut. Prestasi yang paling baik sekali ialah dalam pengeluaran minyak kelapa sawit yang telah memberi sumbangan terbesar kepada keluaran pertanian sejak tahun 1981.

Pada tahun 1984 sektor pembuatan telah menggantikan sektor pertanian sebagai sektor terbesar dalam ekonomi. Sungguhpun demikian, sektor pembuatan tidak dapat mengekalkan kedudukan tersebut pada tahun 1985 disebabkan oleh eksport yang lembab dan permintaan dalam negeri yang lemah bagi barang pembuatan. Keadaan ini telah menyebabkan keluaran sektor pembuatan yang telah bertambah daripada 4.6% pada tahun 1981 kepada 11.6% pada tahun 1984, berkurang sebanyak 3% pada tahun 1985. Namun demikian, pertumbuhan yang boleh dibanggakan telah dicapai bagi industri-industri elektronik dan jentera elektrik, penapisan petroleum, keluaran logam yang dibentuk dan kelengkapan pengangkutan.

Pengeluaran petroleum khususnya telah menunjukkan prestasi yang sangat memuaskan. Pengeluarannya telah bertambah pada kadar purata 10.1% setahun dalam tempoh tahun 1981 sehingga 1985 dan telah memberi sumbangan sebanyak 79.7% daripada nilai ditambah bagi sektor perlombongan.

Salah satu faktor utama yang menghalang usaha-usaha pembangunan kita ialah defisit dalam belanjawan negara dan akaun semasa.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan telah dapat mengurangkan defisit dalam belanjawan negara daripada 18.7% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) pada tahun 1982 kepada 8.2% pada tahun 1985 dan defisit dalam akaun semasa pula telah dapat dikurangkan daripada 14.1% daripada (KNK) pada tahun 1982 kepada 3.1% pada tahun 1985.

Ini adalah hasil daripada pelaksanaan dasar penstabilan dan juga dasar pengubahsuaian struktur yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Secara keseluruhannya walaupun pertumbuhan ekonomi adalah lembap dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, prestasi ekonomi negara adalah memuaskan. Jika dibandingkan dengan negara-negara maju dan negara-negara sedang membangun yang mengalami pertumbuhan keluaran dan pendapatan yang lebih perlahan. Memandangkan ekonomi dunia yang lembap dan halangan-halangan struktur yang dihadapi oleh ekonomi kita, prestasi ekonomi negara boleh dianggap memuaskan. Perkembangan ekonomi dalam tempoh ini walaupun lebih perlahan daripada tempoh sebelum telah tercapai dalam keadaan harga dalam negeri yang stabil.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa besar kemungkinan ekonomi antarabangsa yang dihadapi oleh negara bagi 5 tahun yang akan datang terus berada dalam keadaan yang tidak pasti. Keadaan ini banyak bergantung kepada dasar-dasar dan strategi-strategi yang diamalkan oleh negara-negara perindustrian untuk memperbaiki ekonomi mereka. Di peringkat dalam negeri pula, Kerajaan akan terus melaksanakan dasar-dasar pengubahsuaian untuk mengawal defisit dalam Belanjawan Kerajaan dan akaun imbalan pembayaran dan seterusnya mengurangkan khidmat bayaran hutang.

Oleh yang demikian, perbelanjaan sektor awam tidak lagi dapat memberi sokongan utama kepada pertumbuhan ekonomi. Keadaan permintaan luar negeri yang lembap bagi barangan utama kita akan juga menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi negara dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Manakala harga minyak yang semakin merosot akan melemahkan lagi usaha-usaha kita untuk meningkatkan pertumbuhan yang dahulunya dihasilkan oleh sektor kecil minyak. Pada keseluruhannya dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak pasti serta batasan-batasan sumber dalam negeri, negara akan terus menghadapi keadaan yang sukar dalam beberapa tahun yang akan datang. Dalam jangka pertengahan pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka lebih perlahan daripada yang telah dicapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Prospek ekonomi menunjukkan bahawa KDNK mengikut nilai sebenar dijangka berkembang pada kadar 5% setahun berbanding dengan 5.8% yang dicapai dalam tempoh 1981-1985 dan 7.6% dalam tempoh 1971-1980. Pertumbuhan yang dijangkakan ini perlulah dihasilkan daripada kegiatan-kegiatan ekonomi yang lebih pesat terutamanya dalam sektor pertanian yang memberi penekanan kepada pengeluaran bahan makanan serta pembinaan rumah kos rendah dan jalan-jalan yang menggunakan lebih banyak sumber tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terdapatnya halangan-halangan seperti yang telah saya jelaskan sebelum ini dan keupayaan kita yang terhad untuk mencapai pertumbuhan ekonomi, Kerajaan akan melaksanakan dasar pertumbuhan yang sederhana dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Dasar dan strategi pembangunan seperti yang ditekankan dalam Kajian Semula Separuh Penggal

Rancangan Malaysia Keempat akan terus dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, teras dan penekanan baru juga akan dimulakan untuk membolehkan negara menghadapi masa depan yang sukar dan mencapai kemajuan seterusnya dalam pembangunan sosio-ekonomi. Strategi pembangunan kita akan memberi penekanan kepada pertumbuhan sederhana disertai dengan kestabilan. Kerajaan telah diamanahkan untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, dan progresif. Oleh itu, kita perlu mengekalkan kadar pertumbuhan dalam tempoh 5 tahun akan datang bagi meningkatkan kemajuan yang telah dicapai dalam usaha-usaha mengurangkan kadar kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Memandangkan sumber-sumber adalah terhad, usaha-usaha akan diambil untuk mencapai pertumbuhan melalui penggunaan sumber-sumber yang sedia ada dengan secara lebih cekap dan produktif. Pertumbuhan akan dicapai tanpa membuat pinjaman yang besar seperti pada tahun-tahun awal 80an. Langkah ini adalah bertujuan untuk memastikan kestabilan ekonomi dan kewangan negara dapat dikekalkan. Pelaksanaan dasar-dasar pengurusan dan pengubahsuaian ekonomi secara bijak dan berhati-hati akan membolehkan negara memperolehi faedah sepenuhnya apabila keadaan ekonomi pulih semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa dalam usaha untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat semasa negara sedang menghadapi keadaan kewangan yang terhad, pinjaman luar negeri yang bertambah akan hanya melemahkan dasar-dasar pengubahsuaian struktur yang kita akan laksanakan dan akan

meningkatkan lagi beban hutang luar negeri kita.

Prospek pertumbuhan ekonomi antarabangsa yang tidak pasti menyebabkan pertumbuhan ekonomi Malaysia akan lebih bergantung kepada perkembangan yang pesat dalam kegiatan-kegiatan dalam negeri. Penekanan yang lebih akan diberi kepada usaha-usaha mengembeling lebih banyak sumber dalam negeri dan memastikan penggunaannya dengan lebih cekap. Rancangan Malaysia Kelima menyarankan supaya semua rakyat menitik-beratkan matlamat-matlamat kecekapan dan produktiviti. Pencapaian matlamat-matlamat ini akan meningkatkan produktiviti setiap rakyat dan dengan itu menambahkan lagi keluaran negara. Usaha-usaha mewujudkan kekayaan negara akan lebih bergantung kepada daya usaha sektor swasta. Sesungguhnya prospek pertumbuhan ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima akan bergantung kepada pertumbuhan dan kegiatan yang dinamik di sektor swasta.

Pelaburan swasta mengikut nilai sebenar dijangka berkembang pada kadar purata 7% setahun dalam tempoh 5 tahun akan datang berbanding dengan hanya 1.8% yang dicapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Kerajaan benar-benar berharap sektor swasta dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam ekonomi. Untuk membuktikan kesungguhan Kerajaan dalam perkara ini, Kerajaan telah menyemak dan meminda peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta Penyelarasan Perindustrian, dengan izin, ICA tahun 1975 yang dianggap sebagai faktor yang melemahkan pertumbuhan daya usaha dan pelaburan sektor swasta.

Untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan sektor swasta, beberapa bidang tertentu telah dikenal pasti

untuk diceburi oleh sektor ini sama ada secara usahasama dengan sektor awam atau bersendirian. Bidang pelaburan yang penting dijangka dapat diceburi oleh sektor swasta terutama usahawan-usahawan bumiputera iaitu sektor pembuatan. Sektor ini merupakan sektor terbesar dalam ekonomi di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima dengan industri-industri berasaskan sumber menjadi teras kepada pertumbuhan perindustrian. Tanggungjawab yang utama bagi mengekalkan penyertaan bumiputera dalam sektor pembuatan dijangka dapat dilaksanakan oleh usahawan-usahawan bumiputera sendiri.

Walaupun demikian, Kerajaan akan terus menyediakan sokongan-sokongan yang perlu seperti program-program latihan pengurusan dan khidmat perunding terutamanya dalam pembangunan industri-industri kecil termasuk industri kraftangan. Sungguhpun Kerajaan telah dan akan terus mengambil langkah untuk mengurangkan sebanyak mungkin halangan-halangan kepada pertumbuhan sektor pembuatan. Pengusaha-pengusaha swasta mestilah mengambil risiko dan menghadapi cabaran-cabaran pasaran dunia menerusi usaha-usaha pengeluaran, usaha-usaha meningkatkan kecekapan dan memperkenalkan pembaharuan dalam pengeluaran dan pemasaran barang-barang mereka.

Dalam hal ini adalah perlu bagi usahawan yang sedia ada dan bakal-bakal usahawan menanam semangat keusahawanan dan menyedari pentingnya barang-barang mereka diperkenal dan dipasarkan dengan mutu yang tinggi. Pada masa yang sama mereka juga perlu berusaha mencapai produktiviti yang tinggi supaya dapat bersaing terutama di peringkat ekonomi antarabangsa. Syarikat-syarikat Malaysia mesti mencapai tingkat persaingan yang

akan membolehkan mereka mendapat faedah daripada ekonomi antarabangsa.

Pasaran-pasaran baru sepatutnya diterokai dengan gih memandangkan pasaran tempatan hanya boleh menampung sebahagian sahaja daripada keluaran barangan pembuatan tempatan. Walaupun pasaran antarabangsa pada masa ini lebih sukar ditembusi berbanding dengan pada masa-masa yang lalu disebabkan oleh meningkatnya amalan perlindungan oleh negara-negara perindustrian, keuntungan yang akan diperolehi adalah lebih besar bagi mereka yang bersedia serta sanggup berusaha dan mengambil risiko. Satu lagi bidang yang digalakkan oleh Kerajaan bagi diceburi secara lebih giat oleh sektor swasta ialah dalam pembangunan pertanian terutamanya pengeluaran makanan bagi penggunaan tempatan dan eksport supaya import makanan dapat dikurangkan dan lebih banyak tukaran asing diperolehi. Untuk tujuan ini langkah-langkah telah dan akan diambil untuk menyediakan galakan dan berbagai bentuk bantuan kepada bakal-bakal pelabur dalam kegiatan pertanian. Dengan bertambahnya penyertaan sektor swasta adalah dijangka usaha mempergiatkan semula pertanian yang telah dimulakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, akan terus dilaksanakan dengan lebih gih.

Saya ingin menekankan di sini bahawa Kerajaan yakin sektor pertanian dapat memberi sumbangan yang lebih kepada pembangunan ekonomi negara sekiranya sumber-sumber pertanian digunakan dengan lebih cekap. Selaras dengan keyakinan ini penanaman padi akan ditumpukan di kawasan-kawasan jelapang padi yang akan disediakan dengan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain yang diperlukan.

Sawah padi yang sedia ada di luar kawasan jelapang padi akan ditukar secara berperingkat-peringkat kepada tanaman-tanaman lain yang lebih menguntungkan.

Pembinaan rumah merupakan satu lagi bidang yang dapat diceburi dengan lebih cergas oleh sektor swasta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Sektor swasta dijangka membina kira-kira 552,500 unit rumah dalam tempoh tersebut, yang termasuk pembinaan kira-kira 80,000 unit rumah kos rendah setahun dalam tempoh 1986 sehingga 1988 di bawah program perumahan khas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program perumahan khas adalah bertujuan untuk mempergiat dan mendorong pertumbuhan ekonomi terutamanya di sektor pembinaan serta menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan. Di bawah program pembinaan perumahan sektor awam kira-kira 149,000 unit rumah berbagai jenis akan dibina. Daripada jumlah ini kira-kira 45,800 unit adalah rumah kos rendah. Di samping itu sejumlah 37,200 unit akan dibina oleh Kerajaan secara usahasama dengan sektor swasta. Pendekatan ini akan membantu Kerajaan mengurangkan beban kewangan dan meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan perumahan. Sebagai menyokong dasar Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara, langkah-langkah akan diambil untuk mengurangkan secara berperingkat saiz dan peranan sektor awam. Peranan sektor awam akan lebih merupakan sebagai, dengan izin, "facilitator" dengan menyediakan suasana yang sesuai untuk sektor swasta berkembang. Walau bagaimanapun Kerajaan akan terus memastikan bahawa dalam usaha

sektor swasta mencapai matlamat-matlamatnya tindakan-tindakan sektor tersebut tidak menjejaskan pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara. Pelaburan asing yang mempunyai potensi untuk memberi sumbangan melalui modal, teknologi, kemahiran dan kepakaran pemasaran antarabangsa akan terus memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara bagi beberapa tahun yang akan datang.

Oleh yang demikian, pelaburan swasta dari luar negeri akan digalakkan melalui layanan yang lebih liberal dan usaha menghapuskan halangan-halangan terhadap pelaburan swasta. Di samping itu kelonggaran yang lebih akan diberi dari segi penyertaan modal saham asing terutamanya dalam industri untuk eksport. Pada masa yang sama memandangkan kepada keadaan ekonomi antarabangsa yang tidak pasti serta perlunya kita meningkatkan daya berasingan barangan eksport kita, penekanan yang lebih akan diberi kepada usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, strategi-strategi dan program yang bertujuan memajukan teknologi akan dimulakan untuk menambah keupayaan perindustrian dan kemampuan teknologi negara. Usaha-usaha yang lebih akan dibuat untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan keupayaan dan kemahiran tempatan dalam memperkenalkan pembaharuan yang bercorak saintifik dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sukar yang kita hadapi sekarang memerlukan usaha-usaha yang lebih bagi menggalakkan pertumbuhan. Salah satu daripada strategi-strategi negara ke arah ini ialah dengan meningkatkan produktiviti tenaga buruh. Walau bagaimanapun, pendekatan penekanan yang lebih

akan diberi kepada latihan bagi melengkapkan pekerja-pekerja dengan kemahiran yang sesuai. Sebagai contoh untuk memenuhi keperluan tenaga kerja bagi mempergiatkan semula sektor pertanian, langkah-langkah akan diambil untuk mengubahsuai kursus-kursus yang ditawarkan oleh Universiti Pertanian Malaysia bagi memperluaskan latihan amali dan pengajaran dalam bidang kemahiran perniagaan tani dan keusahawanan. Program-program latihan yang dijalankan oleh FELDA, RISDA dan institut-institut pertanian akan diubahsuai untuk memberi kemahiran dalam bidang pengurusan perdagangan dan kewangan. Kemahiran ini akan menjadi lebih penting dengan adanya penekanan kepada perladangan yang bercorak perdagangan dan pengurusan ladang dalam sektor pertanian.

Untuk meningkat kemampuan teknologi tempatan bagi pembangunan sektor pembuatan pada masa hadapan, pihak kerajaan dijangka menjalankan usaha-usaha untuk menambah bilangan jurutera dan juruteknik di negara ini. Bilangan Jurutera dan Juruteknik yang diperlukan adalah besar dengan permintaan tertumpu kepada siswazah siswazah yang mempunyai kemahiran yang sesuai untuk industri terutamanya dalam bidang-bidang elektronik dan kejuruteraan kimia. Pembangunan tenaga kerja merupakan satu lagi bidang yang memerlukan penglibatan sektor swasta yang lebih untuk memastikan sistem penyediaan kemahiran adalah selaras dengan keperluan pasaran.

Pembangunan Wilayah dalam beberapa tahun akan datang akan berpandu kepada keperluan untuk meningkatkan agihan pembangunan berasaskan kepada faedah-faedah berbanding mengikut kawasan. Perancangan di peringkat kawasan

akan berasaskan kepada wilayah dan bukannya negeri. Bagi memudahkan pembangunan sumber-sumber secara lebih berkesan dan membolehkan perancangan dan penyelarasan program-program pembangunan dijalankan dengan lebih baik, pemusatan pembangunan di kawasan-kawasan yang mempunyai potensi pertumbuhan yang lebih tinggi akan juga diberi penekanan. Sementara pembangunan kawasan tumpuan perindustrian dan pusat-pusat bandar terpilih akan terus dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengenang kembali bahawa 15 tahun yang lalu negara telah diamanahkan untuk mewujudkan masyarakat yang adil dan bersatu padu menerusi usaha-usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum serta menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Walaupun struktur ekonomi telah berubah, matlamat utama perpaduan negara masih gagal. Perpaduan negara tidak sahaja merupakan matlamat yang amat penting bagi negara, tetapi juga merupakan keperluan yang mesti diadakan untuk membangun dan membina negara. Perpaduan negara adalah juga penting untuk terus digalakkan bukan sahaja kerana masyarakat kita terdiri daripada berbagai kumpulan ethnik dan mempunyai berbagai kebudayaan, tetapi lebih-lebih lagi disebabkan oleh wujudnya kepentingan sempit dan pandangan serta nilai yang melampau di kalangan segolongan rakyat yang tertentu yang boleh menghalang usaha-usaha kita untuk membina negara.

Nasionalisma adalah teras perpaduan negara. Rakyat Malaysia hendaklah menanam semangat cinta dan bangga terhadap negara dan sentiasa berpandukan kepada Rukunegara. Walaupun segala usaha telah dibuat oleh Kerajaan untuk memupuk perpaduan negara, adalah

menjadi tugas dan tanggungjawab setiap rakyat untuk menyertai dan memberi sumbangan kepada usaha-usaha memupuk perpaduan negara dengan sikap toleransi dan nilai-nilai positif iaitu berdikari, rajin bekerja, bermoral tinggi dan beramanah. Semangat nasionalisma tidak bererti kita menjauh atau mengasingkan diri daripada perhubungan-perhubungan luar negeri yang mungkin penting bagi kemajuan dan pembangunan negara. Matlamat utama dalam memupuk semangat nasionalisma di kalangan rakyat adalah untuk menyemai sikap yang mementingkan negara dalam kegiatan sosio-ekonomi kita. Dengan adanya semangat nasionalisma dan perpaduan di kalangan berbagai kumpulan ethnik, kita akan berupaya menyatukan tenaga dalam kegiatan-kegiatan pembangunan dan menikmati faedah ekonomi yang maksimum untuk kebaikan bersama.

Bagi mencapai perpaduan negara, Dasar Ekonomi Baru akan terus menjadi alat yang paling penting. Kerajaan akan terus meningkatkan mutu kehidupan isirumah miskin sama ada di kawasan luar bandar, estet atau kampung baru dengan menyediakan kemudahan-kemudahan asas. Tumpuan utama akan diberi kepada kampung-kampung yang terpencil di kawasan pendalaman dan kawasan yang jauh dari bandar yang sebelum ini tidak menikmati faedah pembangunan.

Perlaksanaan perladangan berkelompok dan pembandaruan luar bandar akan dapat membantu meningkatkan produktiviti dan keluaran isirumah luar bandar. Isirumah yang tidak mempunyai tanah dan mereka yang mempunyai kebun yang tidak ekonomik, akan terus ditempatkan semula di rancangan-rancangan tanah.

Dalam penyusunan semula tenaga kerja, usaha-usaha bagi meningkatkan

bilangan Bumiputera dalam kumpulan profesional dan pengurusan akan dilanjutkan. Usaha akan juga dibuat bagi memastikan pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera yang berdaya maju. Pengusaha-pengusaha Bumiputera mestilah meningkatkan taraf kemahiran pengurusan supaya mereka berjaya mengekalkan kedudukan mereka dalam dunia perniagaan yang penuh dengan persaingan dan juga semakin kompleks dan dinamik. Walaupun modal dan kemahiran teknik yang mencukupi adalah asas penting bagi perusahaan yang berjaya, pengurusan yang baik adalah sama penting. Pengurusan yang kurang baik telah menyebabkan kegagalan banyak perusahaan Bumiputera yang mengakibatkan pembaziran sumber-sumber yang terhad. Untuk memperkukuhkan peranan mereka dan memastikan perkembangan dalam bidang perindustrian dan perdagangan, pengusaha-pengusaha Bumiputera juga mestilah mempelbagaikan kegiatan ekonomi mereka. Mereka mesti melibatkan diri dalam bidang-bidang perindustrian dan perdagangan yang baru dan mengelakkan diri daripada melabur dalam bidang-bidang yang telah diceburi sepenuhnya dan di dalam bidang-bidang yang memberi pulangan rendah. Ini akan memudahkan Kerajaan mencapai matlamat mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi dan matlamat menyusun semula masyarakat.

Pengangguran akan terus menjadi masalah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Anggaran semasa menunjukkan kira-kira 682,000 orang akan menganggur pada tahun 1990. Ini bermakna kadar pengangguran meningkat kepada 10.1% pada tahun 1990 berbanding dengan 7.6% pada tahun 1985. Kebanyakan daripada mereka yang menganggur adalah

dijangka terdiri daripada lepasan sekolah menengah dan siswazah yang lebih berkelayakan akademik daripada kemahiran yang berkaitan dengan kerja. Usaha-usaha yang lebih giat akan dijalankan bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran yang sesuai untuk memudahkan mereka mendapat pekerjaan. Kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan dan maklumat pasaran buruh yang lebih baik dan akan mengawasi arah aliran pasaran buruh dengan teliti. Tumpuan atau kecenderungan pencari kerja kepada perkerjaan kolar putih, walau bagaimanapun, perlu diubah supaya selaras dengan bertambahnya keperluan terhadap pekerja-pekerja mahir. Di samping itu bekerja sendiri perlu diberi penekanan, memandangkan keadaan ekonomi yang lembab khususnya di sektor perindustrian. Perubahan sikap adalah juga perlu. Tenaga buruh yang baru memasuki pasaran buruh perlu lebih berdikari, berdaya usaha dan mempunyai sikap bersaing.

Peranan agensi-agensi amanah dan perusahaan-perusahaan awam akan dikaji semula dengan tujuan menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan yang mempunyai potensi untuk disertai atau diambil alih oleh sektor swasta. Saya ingin menekankan di sini bahawa rakyat Malaysia mestilah mengikis sikap yang terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan dan mestilah lebih berdikari dengan menggunakan daya usaha sendiri. Mereka yang mempunyai harta dan kekayaan perlu mengurusnya dengan baik untuk menambahkan lagi kekayaan, tetapi dalam usaha tersebut janganlah sekali-kali mengeneipkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi yang lembab ini, anggapan yang lazim dibuat ialah bahawa semua kemajuan yang telah

dicapai telah hilang dan dasar-dasar yang lalu telah gagal. Ini adalah sikap cepat menyerah kalah. Sesungguhnya dalam masa yang penuh cabaran inilah rakyat Malaysia perlu bersyukur menilai semula kekuatan dan kelemahan mereka, merancang strategi-strategi baru, menggunakan sumber-sumber yang belum dimajukan dan berusaha untuk menjadi lebih cekap. Pada masa inilah individu-individu dan ahli-ahli perniagaan perlu berfikir dan bertindak secara positif dan bijak untuk menghadapi cabaran-cabaran. Keadaan ekonomi dijangka menjadi semakin lembab pada tahun-tahun awal Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, prospek ekonomi jangka panjang adalah tetap baik. Oleh yang demikian, kita mesti bersedia untuk mengambil peluang daripada pemulihan ekonomi yang mungkin berlaku.

Malaysia mempunyai pasaran tempatan yang mempunyai kuasa beli yang tinggi dan potensi tabungan adalah masih tinggi. Asas infrastruktur yang luas akan dapat menampung dan mengekalkan lagi pertumbuhan ekonomi. Negara kita juga mempunyai banyak sumber semula jadi dan masih lagi terdapat tanah dan bahan galian yang mencukupi untuk diusahakan.

Tenaga kerja kita adalah berpendidikan sederhana dan dengan latihan yang bertambah dalam berbagai-bagai kemahiran seperti yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Ianya adalah mencukupi untuk menyokong lebih banyak kegiatan dalam perkembangan sektor-sektor kedua dan ketiga. Oleh yang demikian ekonomi negara mempunyai ketahanan dan kemampuan untuk menghadapi tahun-tahun sukar pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menutup ucapan saya ini, saya ingin

menegaskan bahawa Rancangan Malaysia Kelima dirangka atas keyakinan bahawa rakyat Malaysia akan bertindak secara positif terhadap segala cabaran, kita rakyat Malaysia telah mengalami keadaan kemelesetan dan kelembapan ekonomi pada masa lalu dan pengalaman pengalakan tersebut telah menjadikan kita lebih bijak dan mempunyai ketahanan yang lebih.

Kemelesetan ekonomi yang berpanjangan yang kita hadapi sekarang perlu dihadapi sebagai satu cabaran baru untuk menguji ketahanan dan ketabahan kita sebagai satu masyarakat. Tiada siapa yang akan menolong kita melainkan diri kita sendiri. Rakyat Malaysia mestilah sanggup bersama-sama mengeneppikan keuntungan jangka pendek daripada pertumbuhan yang tinggi bagi mendapatkan keuntungan yang lebih besar daripada pertumbuhan yang kekal dan stabil dalam jangka panjang.

Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan peluang-peluang perkerjaan dan mengurangkan beban hutang kita untuk mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi terhadap rakyat Malaysia. Insya Allah kita akan berjaya mengatasi segala cabaran ini.

4.43 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Ng Cheng Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul supaya Rancangan Malaysia Kelima diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelima yang baru sahaja dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk diperbahaskan merupakan satu rancangan pembangunan ekonomi yang penting kerana ianya akan

negara. Kita boleh mengubah satu dasar baru untuk menyelesaikan masalah kemiskinan dan ketidakadilan di mana ianya wujud. Pencapaian matlamat perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan dan penghapusan ketidakadilan perlu dijadikan prinsip dan panduan dalam semua dasar atau program ekonomi negara kita.

Tuan Yang dipertua, sebagai kesimpulan saya mencadangkan supaya dalam keadaan kemelesetan ekonomi seperti ini, kita memerlukan sebuah Kerajaan yang teguh dan stabil dan mempunyai satu rekod yang terbukti supaya kita dapat mengatasi masalah ekonomi ini, kita memerlukan langkah-langkah yang pahit. Ini bukan satu masa untuk membuat experiment politik. Negara kita memerlukan sebuah Kerajaan yang teguh untuk menghadapi cabaran-cabaran ini. Hanya Kerajaan Barisan Nasional mempunyai rancangan dan strategi ekonomi yang baik. Pihak Pembangkang tidak mempunyai pengalaman dalam pentadbiran atau authoritative ekonomi, selain daripada bantah untuk tujuan membantah. Oleh yang demikian saya ingin menyeru sekali lagi kepada semua rakyat Malaysia supaya terus menyokong Kerajaan Barisan Nasional untuk menjamin supaya masa depan yang baik akan terus dikekalkan bagi kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Masalah di hadapan Majlis sekarang ialah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat; bersetuju

dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama, iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan; melulus dan menyetujui Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk menyesuaikan dan menumpukan dasar-dasar dan program-program bagi mengekalkan perkembangan sosio-ekonomi dan menjamin kestabilan ekonomi dalam jangka panjang serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 15/86. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelima ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi serta melengkapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran sosio-ekonomi dan politik yang lebih besar selaras dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat.

5.06 ptg.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang bangun untuk memberi sokongan kepada pembentangan bagi meluluskan dan menyetujui Rancangan Malaysia, yang telah pun dibentang sebentar tadi oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Saya setuju dengan kedua-dua bapa Menteri tadi yang telah menyatakan pembentangan Rancangan Pembangunan seperti ini merupakan satu peristiwa yang paling penting bagi

negara. Dan sesungguhnya setakat yang cinta akan negara, bangsa dan agama sepatutnya mengambil masa dan peluang ini untuk sama-sama menyuarakan pendapat dan fikiran masing-masing, menyumbangkan sedikit sebanyak bagi kepentingan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelima daripada tahun 1986 hingga 1990 merupakan bahagian yang keempat dan terakhir bagi rangka rancangan jangka panjang (RRJP) 20 tahun, iaitu untuk tempoh 1971 hingga 1990 bagi mencapai matlamat utama iaitu perpaduan negara.

Tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini merupakan tempoh yang benar-benar penuh dengan cabaran pada negara dan juga rakyat jelata semua dan kita mesti menghadapinya dengan bersedia seperti telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, mengenenipkan kepentingan-kepentingan jangka pendek demi untuk kepentingan-kepentingan jangka panjang.

Kita sedang mengalami sekarang ini berbagai-bagai masalah baik di dalam mahupun di luar negara, yang mana masalah permintaan antarabangsa yang semakin merosot dan harga barangan-barangan turun begitu rendah dan tentu sekali akan mengurangkan pendapatan eksport negara kita. Begitu juga persaingan dalam pasaran dunia, peningkatan dalam dasar perlindungan atau, dengan izin, protectionism yang diamalkan oleh negara-negara perindustrian berserta juga masalah pembayaran hutang negara kita akan juga mengurangkan lagi prospek pertumbuhan eksport negara. Kedudukan kewangan dalam negeri pula memerlukan kita lebih berjimat-cermat dalam kita memperuntukkan kewangan untuk pentadbiran dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita ingin melihatkan dan mengekalkan pencapaian kita dan meneruskan usaha-usaha ke arah mencapai perpaduan negara tanpa masalah kepada mana-mana pihak ataupun kaum, langkah-langkah pertumbuhan ekonomi mesti diteruskan tanpa sebarang halangan. Bagi tujuan ini dan dengan mengambilkira sumber-sumber negara yang sedia ada, saya amat menyokong strategi Kerajaan yang mana telah pun ditentukan agar Rancangan Malaysia Kelima ini akan diteraskan hasrat untuk mencapai pertumbuhan yang sederhana beserta dengan kestabilan dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejak pertengahan tahun 1982, Kerajaan telah bertindak dengan berbagai-bagai cara untuk mengukuhkan perbelanjaan awam, dan kita ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan yang telah pun awal-awal lagi mengambilkira dan tindakan bagi menyekat keadaan kemelesetan ekonomi, yang mana pihak Kerajaan telah pun berjaya mengurangkan defisit belanjawan sektor awam yang telahpun turur daripada 20.5% KNK (Keluaran Negara Kasar) pada tahun 1981 kepada 9.7% bagi tahun 1985.

Sama juga dengan kurangnya defisit tidak ketara serta memperbaiki lagi imbalan perdagangan difisit akaun semasa dalam imbalan pembayaran telah pun turun daripada 14.1% KNK pada tahun 1981 hingga kepada 3.1% pada tahun 1985, begitu jauh sekali turunnya difisit yang berkenaan.

Kita percaya Kerajaan telah pun dapat mengambil berbagai cara dan langkah agar perbelanjaan awam dapat diawasi yang mana seperti yang telah banyak diutarakan oleh rakyat betapa pentingnya projek-projek mewah, projek-projek yang menelan belanja yang besar-besar patut dikurangkan dalam keadaan ekonomi yang kurang baik yang sedang dialami

oleh kita semua. Dan kita juga mengucapkan tahniah ke atas sikap Kerajaan yang telah pun menyekatkan anak-anak syarikat Kerajaan ataupun agensi-agensi Kerajaan dengan cara mengurangkan perbelanjaan mereka dan tidak menggalakkan mereka seperti yang pernah terjadi akhir-akhir dahulu tentang begitu hebat perebutan untuk setiap agensi membangunkan sendiri bangunan-bangunan yang mencakar langit yang mana telah pun membabitkan masalah-masalah yang ada sekarang ini yang mana terdapat begitu banyak ruang-ruang pejabat atau ruang-ruang niaga yang tidak dapat disewakan kepada umum.

Kita percaya juga berbagai langkah telah dibuat oleh kerajaan yang mana telah pun dapat menunjukkan satu prestasi yang baik dari segi mengurangkan defisit yang sedang dihadapi oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Kertas Kerja Rancangan Malaysia Kelima yang telah pun dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan telah pun diedarkan; begitu banyak menekankan tentang ketidakadilan dasar-dasar ekonomi negara-negara perindustrian seperti dasar-dasar perlindungan dan sebagainya. Tetapi pada hemat saya Kerajaan negara kita ini tidak perlu sangat hanya memikirkan tentang masalah apa yang dibuat oleh negara-negara luar ataupun negara-negara barat. Kita juga mesti mengadakan satu in-house system, dengan izin, yang boleh terus kuat, terus wujud, terus kukuh untuk menstabilkan ekonomi kita ini walaupun apa dasar-dasar yang dibuat oleh negara-negara yang lebih maju daripada kita. Kalau kita terlampau sangat mengharap ataupun begitu dependent, dengan izin, kepada dasar-dasar ekonomi negara-negara perindustrian, nescaya segala perancangan dan polisi dasar Kerajaan akan menjadi sia-sia sahaja dan

tentunya tidak akan dapat kita mengekalkan kestabilan ekonomi dan pertumbuhan ekonomi yang baik kepada negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, pihak saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah begitu baik menggubal berbagai-bagai perancangan dan dasar dalam buku Rancangan Malaysia Kelima yang baru dibentangkan sebentar tadi. Pada keseluruhannya kita sesungguhnya menyokong penuh di atas segala perancangan yang begitu teliti dan menyeluruh yang telah pun dibuat oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Tetapi setakat hanya mengeluarkan dasar (policy) tanpa kerja-kerja susulan atau follow-up, dengan izin, yang berkesan maka dasar-dasar yang baik itu hanya akan tinggal dasar sahaja dan kesan-kesannya mungkin tidak dapat dilihat dengan sebaik mungkin. Sekiranya komunikasi daripada penggubal dasar kepada penyampai dan penerangan tentang dasar; kepada jentera-jentera perlaksanaannya dan seterusnya kepada sasaran, kalau tidak dapat diterima dengan baik akan menyebabkan banyak masalah yang selalu menjadi problem kepada kita dalam pengalaman kita yang lampau dari segi melaksanakan berbagai-bagai program pembangunan kepada masyarakat.

Kita perlu dan ingin melihat agar adanya koordinasi dan dengan adanya satu pakatan di antara pihak yang tertinggi sekali di antara pihak yang duduk di peringkat tengah dan pihak yang melaksanakan policy dan seterusnya kepada pihak sasaran agar benar-benar dapat bersama-sama memainkan peranan agar segala hasrat yang murni yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini tidak

menjadi hanya tinggal rancangan sahaja. Kita ingin melihat akan kejayaannya satu persatu dalam segala program yang telahpun diedarkan lebih-lebih lagi rancangan ini merupakan rancangan yang terakhir bagi penggal ini dan kita akan pula menentukan pada tahun-tahun 1990 apa-apa tempoh Dasar Ekonomi Baru akan tamat dan pada ketika itu negara dan Kerajaan terpaksa berhadapan dengan rakyat untuk memastikan yang rakyat berpuas hati di atas segala rancangan dan pelaksanaan yang dibuat oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelima banyak menekankan dan banyak menaruh harapan tentang penglibatan pihak swasta bersama-sama dengan pihak awam bagi menentukan agar Rancangan Malaysia Kelima ini akan berjaya. Dan nampaknya tanpa ada penglibatan swasta yang bersungguh-sungguh dan benar-benar menyeluruh tidak mungkin juga rancangan Kerajaan yang sebaik ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Tetapi akhir-akhir ini dalam keadaan kita semua menghadapi berbagai masalah bersabit dengan politik dan ekonomi negara, kita dapati bahawasanya ramai kalau tidak pun kebanyakannya pihak-pihak yang ada dalam sektor swasta mengeluarkan pendapat ataupun pemikiran yang agak kurang yakin dengan iklim pelaburan dan keadaan politik dalam negara.

Kita selalu mendengar berbagai-bagai khabar-khabar angin yang negatif yang kadangkala benar-benar mengemparkan disampaikan dan diceritakan di merata-rata tempat bukan setakat di kedai kopi sahaja malah juga di pejabat-pejabat pemimpin-pemimpin korporat mahupun di pejabat-pejabat pemimpin-pemimpin Kerajaan yang tertinggi di Ibu Negara ini.

Ini telah pun berleluasa bukan sahaja sebulan dua ini malahan pada tahun-tahun yang lampau hinggakan sampai ada yang begitu terikut-ikut dan percaya dengan khabar-khabar angin ini; dan ada pula setengahnya sanggup mengeluarkan semua duit yang disimpannya atau dalam "saving akaun"-nya ke lain-lain negara. Kita juga amat sedih di mana terdapat juga orang-orang yang mengeluarkan khabar-khabar angin ini datangnya daripada pihak-pihak yang tertinggi duduknya dalam Kerajaan dan parti!

Saya ingin bertanya mengapa keadaan ini dibenarkan berlaku sebegitu berleluasa dengan begitu lama? Mengapa tidak keadaan yang begitu buruk dan negatif disekat lebih awal lagi agar tidak akan meneruskan lagi keadaan suasana kurang yakin pihak swasta dalam iklim pelaburan dalam negara kita ini? Kita agak rasa terkilan sedikit mengapa Kerajaan begitu lama dan tidak tepat dan tegas mengambil tindakan awal untuk, dengan izin, nip in the bud, masalah-masalah seperti khabar-khabar angin ini yang sekarang ini telah begitu berleluasa merebak hinggakan sekarang ini Kerajaan terpaksa menjalankan berbagai program dan mengambil masa yang banyak dan tenaga yang banyak untuk memberi penjelasan kepada rakyat jelata tentang keadaan-keadaan yang tidak benar itu dan ini telah banyak merugikan masa dan tenaga dan tentunya membabitkan banyak wang yang kehilangan.

Keadaan ekonomi dan keyakinan pihak swasta yang kurang sihat ini boleh dinampakkan dan dibayangkan dengan keadaan harga-harga kaunter-kaunter yang disenaraikan dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur yang mana telah menurun jatuh begitu hebatnya beberapa bulan dan tahun yang lampau ini sampaikan ada setengah-setengah rakyat jelata dan ahli-ahli perniagaan yang mengalami

begitu kuat tekanan daripada bank-bank dan sebagainya dan ada pula mereka yang hampir-hampir panic, dengan izin, dan kita tahu hari-hari melihat suratkhbar beberapa banyak kes-kes saman bankrup yang disiarkan dalam akhbar-akhbar berkenaan yang menunjukkan keadaan ekonomi yang begitu kurang senang. Pada akhir-akhir ini sampaikan ramai ahli-ahli perniagaan yang sekarang ini tidak tahun langsung apa yang boleh dilaku; apa yang boleh dibuat oleh sesiapa sekalipun; bagi mengubah keadaan yang begitu malap sekarang ini. Sampaikan tidak ada langsung idea ataupun cadangan yang boleh diutarakan oleh sesiapa untuk meyakinkan pasaran tentang apa yang boleh dibuat bagi menukarkan iklim pelaburan dan iklim ekonomi yang begitu lembab sekarang ini.

Mungkin setengah-setengah mengatakan, dengan izin "it will take a miracle" untuk mengubah keadaan yang ada pada ketika ini. Kita semua sedar seperti yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang pentingnya kita mempunyai sebuah Kerajaan yang kukuh, stabil, berpengalaman dan telah pun membuktikan kemampuannya bagi mentadbirkan negara. Maka itu sebab mengapa setengah-setengah pihak memikirkan untuk mengubah suasana yang sedia ada ini daripada yang lebih teruk lagi, mungkin ada baiknya satu perkara yang besar berlaku secepat mungkin, dan pada pendapat setengah-setengah pihak, perkara yang paling besar yang boleh berlaku buat ketika ini ialah untuk mengadakan pilihanraya umum secepat mungkin. Oleh kerana sebab adanya penentuan siapakah pula, ataupun adakah Barisan Nasional akan tetap dan terus menjadi teraju pemerintah negara kita ini dan kita yakin dan pasti dan berasa confident dan yakin yang Parti Barisan Nasional dapat mengekalkan majoriti dalam

Parlimen dan seterusnya di negeri-negeri yang lain, maka dengan adanya mandat baru pada pucuk pimpinan kita, maka ini kita yakin dan percaya kita dapat mengubah iklim yang negatif yang sedia ada di kalangan pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha.

Lagipun kita semua tahu dan kita telah mendengar tadi apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri tentang keadaan ekonomi negara buat tahun-tahun akan datang yang mana kita yakin yang ekonomi tidak akan pulih sebaik mungkin dalam masa yang singkat dan ianya memerlukan masa yang lebih lama untuk mengubah keadaan ekonomi kepada ekonomi yang lebih baik lagi. Maka untuk melengahkan lagi masa akan pula menimbulkan lebih banyak lagi masalah yang terpaksa dihadapi dan dijawab oleh pihak Kerajaan. Sebab itu, mungkin ada baiknya kita mempercepatkan pilihanraya umum agar mandat baru akan diperolehi oleh pihak Kerajaan dan masa itu iklim dan confidence rakyat kepada Kerajaan dapat dipulihkan dan insya Allah, begitu juga ekonomi negara sedikit demi sedikit akan dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang bersabit dengan keadaan ekonomi yang tidak begitu baik ialah juga kerana akhir-akhir ini pihak Kerajaan terlampau strict ataupun ketat sangat mengawal keadaan-keadaan ekonomi terutamanya di Pasaran Saham Kuala Lumpur yang mana berbagai-bagai dasar dan polisi dan syarat-syarat telahpun diperbuatkan bagi memperketatkan lagi keadaan-keadaan perniagaan dalam pasaran Saham Kuala Lumpur. Begitu juga berbagai-bagai syarat juga dibuat untuk memperketatkan dan mengawal industri perumahan dan property, dengan izin. Ini telahpun menyekat lagi iklim perniagaan yang biasanya memerlukan elemen

“spekulasi” untuk kita membangun dan menggerakkan ekonomi agar ianya lebih maju dan lebih diminati oleh pihak peniaga-peniaga. Kita semua tahu bahawasanya perniagaan ini semuanya membabitkan risiko, dan ianya tidak lain dan tidak bukan juga, spekulasi-spekulasi yang dibuat oleh peniaga-peniaga untuk melaburkan duit mereka dengan harapan untuk mendapat untung yang baik daripada pelabur-pelabur itu.

Jadi dengan adanya begitu banyak kawalan-kawalan yang ketat yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur dan juga pada industri-industri perumahan, sehinggakan Kerajaan menyekat seseorang itu mempunyai 2 buah rumah untuk mendapatkan pinjaman dan sebagainya, ini tidak dapat lari daripada sikap bahawasanya telahpun menyebabkan mengapa sekarang ini keadaan-keadaan ekonomi yang mana industri perumahan dan permintaan untuk membeli rumah itu lembab sekali dan ini menyebabkan lain-lain industri yang bersangkutan-paut dengan industri perumahan juga mengalami masalah; dan ini menjadi satu faktor yang mana ianya menyebabkan juga iklim pelaburan itu makin lembab lagi.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang baru-baru ini telah pun melancarkan satu skim untuk membina 80,000 rumah kos rendah tiap-tiap tahun bagi jangka masa 3 tahun yang akan datang dan dengan itu kita harap juga industri-industri yang bersampingan industri-industri perumahan ini dapat mengaut sedikit sebanyak perniagaan ataupun business bagi menghidupkan perniagaan-perniagaan mereka. Tetapi saya ingin juga meminta pihak Kerajaan mengambil berat tentang dasar ini, kita semua akui ianya baik, tetapi juga terdapat masalah-masalah yang tidak diambil berat oleh pihak Kerajaan yang boleh menghancurkan projek perumahan kos rendah ini.

Satu daripadanya ialah berkenaan dengan pihak jabatan-jabatan di peringkat negeri-negeri terutamanya Pejabat Tanah, Majlis Tempatan dan sebagainya yang masih lagi begitu lembab bagi meluluskan permohonan yang dibuat oleh pemaju-pemaju dalam projek pengswastaan pembinaan rumah kos rendah dan sekiranya pihak pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat yang berkenaan masih lagi tidak dapat menyahut seruan Kerajaan untuk menggalakkan perumahan kos rendah ini, maka ianya juga akan menyebabkan mengapa program ini tidak akan dapat kejayaan yang diharap-harapkan.

Keduanya ialah berkenaan dengan bank-bank yang masih lagi setengah-setengahnya belum mahu tampil ke hadapan menyahut seruan Kerajaan menyokong projek pembinaan rumah kos rendah ini dengan ertikata yang sebenarnya. Saya masih lagi terdengar yang mana projek-projek yang sedemikian ini tidak mendapat bantuan dan sokongan daripada bank-bank untuk mendapat kemudahan-kemudahan kredit ataupun kemudahan-kemudahan financing bagi menjayakan projek pembinaan rumah kos rendah ini. Kedua-dua masalah ini adalah masalah-masalah yang besar yang perlu pihak Kerajaan mengambil perhitungan yang lebih serius lagi agar hasrat untuk membina 80,000 rumah kos rendah ini tidak juga hanya tinggal sebagai rancangan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pula untuk mengambil masa sedikit bagi meneliti tentang perbelanjaan pembangunan sektor awam yang telahpun dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelima yang mana berjumlah \$74,000 juta diperuntukkan bagi perbelanjaan umum pembangunan sektor awam dalam Rancangan Malaysia Kelima bagi tahun 1986 hingga 1990, dan

daripadanya sebanyak \$23,548 juta diperuntukkan kepada sektor ekonomi yang mengambil jumlah sebanyak 58.76%. Keduanya, sektor sosial yang mendapat \$9,000 juta yang membabitkan 22.5% daripada jumlah perbelanjaan umum. Ketiganya, keselamatan \$4.7 ribu juta atau 11.7% dan akhirnya pentadbiran \$2.8 ribu juta sebanyak lebih kurang 7% peruntukan telahpun diberi kepada keempat-empat sektor yang terbesar yang diperuntukkan dalam perbelanjaan Kerajaan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Ini jelas bahawasanya Kerajaan begitu berminat mempertingkatkan lagi program-program di dalam bidang ekonomi dan sosial bagi kepentingan kita semua.

Untuk saya meneruskan ucapan saya ini, saya ingin mengambil sektor-sektor yang berkenaan yang mana saya ada minat untuk memberi teguran ataupun pendapat dan seterusnya menyampaikan pertanyaan-pertanyaan tentang perancangan dan peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada sektor-sektor yang tertentu. Pertama, sektor pertanian dan pembangunan luar bandar. Pada umumnya saya begitu bangga dan syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana pada kali ini nampaknya pihak Kerajaan benar-benar serius dan benar-benar menunjukkan minat yang begitu tinggi bagi mempertingkatkan sektor ini yang mana jumlah yang diperuntukkan ialah sebanyak \$11.8 billion yang mana ini merupakan lebih kurang 17% daripada jumlah peruntukan umum yang mana juga melebihi peruntukan bagi Rancangan Malaysia Keempat dengan jumlah hampir-hampir \$4,000 juta bagi sektor pertanian dan pembangunan luar bandar. Ini amat perlu dibuat oleh pihak Kerajaan kerana mereka dalam bidang ini dan sektor inilah yang

memerlukan banyak pembelaan, banyak pertolongan yang patut diberi oleh pihak Kerajaan yang mana dengan peruntukan yang begitu besar dibuat pada sektor-sektor ini tentunya akan dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup dan kadar pendapatan orang-orang yang duduk di kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman. Ini juga tentu sekali akan dapat sedikit sebanyak mengubahsuaikan masyarakat seperti yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru kita.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat sedikit teguran tentang pencapaian sektor pertanian buat masa kini dan masa lampau dengan harapan buat masa muka sektor ini tidak juga di tahap yang sama seperti sekarang ini yang mana kita begitu berasa hampa sedikit oleh kerana sektor pertanian dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar telah jatuh pada tahun 1970 daripada 29% hingga ke 22.8% pada tahun 1980 kita lebih sedih oleh kerana kita tahu dan kita sedar bahawa negara kita merupakan negara pertanian dan sepatutnya sektor ini dapat tahun demi tahun, mempertingkatkan lagi keluaran dalam negerinya tetapi rekod menunjukkan ia tidak seperti yang kita harapkan yang mana dalam jangka 10 tahun, dari tahun 1970 hingga ke tahun 1980 tahap pencapaian sektor ini melalui KDNK telahpun menurun hampir 7%.

Tuan Yang di-Pertua, kita harapkan dalam jangka masa sepuluh tahun yang akan datang ini iaitu jangka masa tahun 1981 hingga 1990 pencapaian sektor ini adakan dapat dipertingkatkan lagi agar benar-benar kita dapat mengekalkan imej dan prestasi kita sebagai sebuah negara pertanian yang mempunyai rancangan-rancangan, pegawai-pegawai dan program-program yang baik bagi mempertingkatkan lagi taraf hidup, ekonomi rakyat dan negara kita ini.

Walau bagaimanapun, kita tak lupa mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang mana kadar kemiskinan walaupun daripada segi pertumbuhan pertanian tak begitu menggalakkan, tetapi daripada segi kadar kemiskinan terutamanya di Semenanjung Malaysia pencapaian agak baik dan telah pun menurun daripada 49% pada tahun 1970 kepada 40% pada tahun 1976 hingga hanya kepada 18% pada tahun 1984 dan ianya dijangka akan turun lagi pada 16.7% pada tahun 1990. Ini pada hemat saya suatu kejayaan yang perlu diambil kira oleh kita semua dan sesungguhnya kita bersyukur dan bangga dan seterusnya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan dan berharap benar-benar agar kadar kemiskinan ini akan dapat diturunkan dengan seberapa banyak yang boleh dan dengan seberapa cepat yang mungkin.

Satu perkara yang ingin saya tekankan di sini ialah tentang peruntukan bagi industri perikanan yang mana pada tempoh Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$301 juta diperuntukkan, tetapi pada Rancangan Malaysia Kelima hanya \$263 juta yang diperuntukkan. Saya ingin menyoal dan bertanya kepada pihak Kementerian yang mengeluarkan budget ini, mengapakah industri perikanan ini tidak mendapat tambahan daripada segi peruntukan oleh kerana bidang ini kita tahu boleh dibangunkan, boleh dimajukan, untuk menjadikan sebuah industri yang benar-benar untung bagi pengusaha-pengusahanya seperti terdapat di setengah-setengah negara yang lebih jauh majunya daripada kita terutamanya setengah-setengah negara di Eropah yang mana industri perikanan ini sebagai satu industri yang benar-benar viable, dengan izin, dan yang boleh mendatangkan banyak keuntungan kepada pengusaha-pengusahanya. Saya fikir pihak Kerajaan perlu menambahkan lagi

peruntukan kepada bidang ini agar industri perikanan ini dapat dipertingkatkan lagi dengan lebih baik lagi oleh kerana Malaysia merupakan hampir-hampir macam pulau, kita mempunyai laut hampir-hampir di sekeliling negara kita ini dan peluang kita untuk menangkap ikan dan sebagainya begitu banyak sekali dan seharusnya kita memperuntukkan jumlah peruntukan yang banyak agar industri perikanan negara kita ini akan benar-benar maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula memindahkan perhatian kepada sektor pembuatan yang mana teras Rancangan Malaysia Kelima ini berasaskan sektor yang berkenaan. Kita lihat peruntukannya telahpun ditambah dua kali ganda kalau dibandingkan dengan peruntukan yang dibuat untuk Rancangan Malaysia Keempat. Sebanyak \$3.15 billion (ribuan juta) telah pun diperuntukkan kepada sektor ini. Kita ingin menyoal mengapa pula suatu peruntukan yang begitu besar diberikan kepada PETRONAS yang mana sebanyak \$1.14 billion telah pun diperuntukkan kepada PETRONAS dan jika dibandingkan dengan Rancangan Malaysia Keempat, tidak satu sen pun diperuntukkan kepada PETRONAS. Kita tahu bahawasanya PETRONAS sedang dan telah pun banyak beruntung daripada segi perniagaannya!

Kita ingin menyoal mengapa pula jumlah sebegitu besar diperuntukkan kepada PETRONAS bagi rancangan Malaysia Kelima yang akan datang ini. Sebaliknya pula, saya ingin menyoal, mengapa peruntukan untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berkenaan dengan Bahagian Perusahaan Kecil diturunkan daripada \$21.6 million kepada \$12.1 million sahaja, walhal kita semua tahu perusahaan-perusahaan kecil ini banyak diusahakan oleh peniaga-peniaga kecil

di luar-luar bandar yang datangnya daripada kaum-kaum yang begitu dhaif dalam segi ekonominya?

Soal yang saya ingin tahu, mengapa peruntukan untuk bidang ini diperturunkan, walhal sepatutnya ianya ditambah dengan lebih banyak lagi bagi membantu perusahaan-perusahaan kecil yang tentunya memerlukan banyak lagi bantuan dan pembelaan oleh pihak Kerajaan. Tetapi daripada segi peruntukan untuk Bahagian Industri Kampung, saya bersyukur kerana ianya ditambah daripada \$12.2 juta kepada \$38.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sektor kewangan pula, saya ingin juga mengambil bahagian di sini untuk mengungkit satu, dua perkara tentang sektor ini yang mana pada umumnya kita dapati bahawasanya pihak Kerajaan telah menurunkan banyak jauhnya peruntukan pada sektor ini, iaitu daripada \$3.5 billion dalam Rancangan Malaysia Keempat kepada hanya lebih sedikit setengah billion dalam Rancangan Malaysia Kelima. Tetapi kita ingin soal di sini mengapa peruntukan untuk PNB (Permodalan Nasional Berhad) yang mendapat \$2.9 billion pada rancangan Malaysia Keempat tetapi bagi kali ini ianya tidak mendapat satu sen pun? Walhal kita tahu PNB merupakan satu badan (trustee) yang diamanahkan untuk memegang saham yang besar-besar bagi pihak kaum-kaum Bumiputera dan seharusnya mendapat peruntukan yang sewajarnya bagi mengekalkan PNB sebagai sebuah badan yang akan terus-menerus memegang ekuiti yang banyak bagi pihak kaum Bumiputera.

Keduanya kita ingin juga soal mengapa sebahagian besar diperuntukkan untuk Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad yang diperuntukkan sebanyak \$190 juta pada Rancangan Malaysia Kelima ini

berbanding dengan hanya \$25 juta sahaja dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat?

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan adalah satu sektor yang begitu menarik perhatian akhir-akhir ini yang mana Kerajaan begitu bersungguh-sungguh bagi membangunkan sektor ini dan kita lihat juga peruntukan dalam sektor ini telahpun ditambah 4 kali ganda kalau dibandingkan dengan peruntukan bagi tempoh Rancangan Malaysia Yang Keempat. Soalan saya yang pertama berkenaan dengan sektor pelancongan ialah mengapakah TDC, Tourist Development Corporation, dengan izin, dikurangkan peruntukannya, walhal badan ini adalah dipertanggungjawabkan untuk memainkan peranan yang terpenting bagi menggalakkan industri pelancongan. Sebaliknya peruntukan untuk PERNAS dipertingkatkan daripada \$52.8 juta hingga sampai kepada \$342 juta. Ini perlu mendapat penjelasan yang lebih mendalam lagi tentang apakah strategi Kerajaan yang sebenarnya?

Begitu juga dengan peruntukan untuk FIMA yang kita kenal sebagai badan yang mengusahakan barang makanan dan pemakanan, tetapi dalam industri pelancongan telahpun diperuntukkan wang sebanyak \$28 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima kalau dibandingkan dengan hanya \$2.4 juta sahaja bagi tempoh masa Rancangan Malaysia Keempat!

Satu lagi perkara tentang peruntukan pelancongan ialah berkenaan dengan peruntukan kepada negeri-negeri. Kita lihat di sini bahawasanya dalam kedua-dua Penggal Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima hanya 8 buah negeri sahaja yang dapat peruntukan dan tidak yang lain. Saya ingin soal mengapa setengah-setengah negeri sahaja yang dapat, tidak yang lain

pula, daripada segi peruntukan untuk membangunkan industri pelancongan ini yang mana setiap negeri pun perlu memberi perhatian yang serius bagi mempertingkatkan lagi industri pelancongan ini. Contoh yang paling besar adalah Sabah, kita dapat tahu bahawasanya Negeri Sabah daripada segi perbelanjaan pelancongan per kapita yang telah pergi ke Sabah untuk berbelanja bagi tahun 1980 paling tinggi sekali terdapat di Negeri Sabah sebanyak \$679,000 dibelanjakan di Sabah oleh pelancong-pelancong pada tahun 1980 dan meningkat kepada angka \$961,000 bagi tahun 1985 kalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia ataupun Sarawak yang begitu jauh bawahnya daripada segi pendapatan daripada perbelanjaan pelancongan ke negeri itu, tetapi Sabah langsung tidak mendapat apa-apa peruntukan dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat mahupun Yang Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, itu perkara-perkara yang saya ingin mendapat kepastian dan huraian daripada pihak Kementerian yang berkenaan untuk kita tahu sebab menyebabkan mengapa peruntukan-peruntukan dibuat sedemikian rupa.

Sektor perlombongan dan galian. Di sini juga kita nampak pihak Kerajaan memperuntukkan jumlah yang besar juga daripada \$28.5 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat kepada \$1.1 billion bagi tempoh masa Rancangan Malaysia Kelima, dan kebanyakan peruntukan ini juga diberi kepada PETRONAS. Saya ingin tahu mengapa sebegitu besar peruntukan diberi kepada PETRONAS walhal PETRONAS adalah sebuah badan yang mungkin terbanyak sekali mendapat keuntungan dari segi minyak sumber dan gas yang diusahakan oleh pihak syarikat ini.

Keduanya saya ingin tahu tentang apakah strategi dan apakah pendapat Kerajaan tentang masa depan industri

bijih timah yang mana akhir-akhir ini begitu lemah prestasi dan begitu rendah jatuh harganya di pasaran. Yang kita ingin tahu apakah strategi dan apakah pandangan Kerajaan tentang industri ini buat masa-masa yang muka. Oleh kerana negara banyak mempunyai simpanan gas di negara kita ini, kita ingin tahu setakat manakah Kerajaan telahpun dapat mengadakan penyelidikan dan pembangunan bagi mewujudkan banyak lagi penggunaan kepada gas yang banyak ada di dalam negara kita ini, agar ianya benar-benar akan dapat digunakan oleh kita semua. Ini akan mengurangkan bebanan kita untuk mengimport lain-lain bahan untuk gunatenaga yang mana kita semua tahu ataupun tenaga ini tentunya memerlukan banyak perbelanjaan untuk diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, kepada sektor pengangkutan dan perhubungan juga nampaknya patut diucapkan tahniah di mana Kerajaan telahpun juga melipat-gandakan jumlah peruntukan; dan kebanyakannya ialah untuk membanyakkan lagi jalan-jalanraya dan jambatan-jambatan dan kita harap ini akan dapat dilaksanakan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar agar dengan adanya banyak lagi jalan-jalanraya dan jambatan-jambatan akan dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup penduduk luar bandar di kawasan-kawasan yang terpencil yang mana tentu sekali dapat mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Berkenaan dengan tenaga elektrik ke luar bandar, kita juga ingin tanya kerana Kerajaan begitu ghairah membanyakkan lagi lain-lain infrastruktur seperti jalanraya, bekalan air dan sebagainya, mengapa pula dalam bidang tenaga elektrik luar bandar ini peruntukan dikurangkan daripada sebanyak \$617 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat diturunkan hanya sampai kepada \$469 juta sahaja? Saya tidak nampak

lojiknya daripada segi peruntukan dan dasar Kerajaan yang mana hendak memperbaiki lagi taraf hidup orang-orang kampung dan masyarakat pendalaman, tetapi dalam peruntukan untuk tenaga elektrik luar bandar dikurangkan yang mana sepatutnya dipertingkatkan!

Tentang bekalan air kita puas hati ianya dipertingkatkan di luar bandar daripada jumlah \$346 juta kepada \$1.4 billion dalam Rancangan Malaysia Kelima dibandingkan dengan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Tetapi kita ingin juga menyoal pihak yang berkenaan tentang peruntukan yang telahpun ditambah begitu banyak lagi bagi mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan bandar. Sebanyak \$15.8 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat, tetapi bagi Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$159 juta diperuntukkan untuk tujuan berkenaan. Kita harap, setelah begitu banyak peruntukan yang diberikan kepada program untuk mengatasi masalah banjir di kawasan bandar, kita tidak lagi akan melihat banjir kilat berlaku di Kuala Lumpur ini yang seringkali berlaku. Kita harap juga bandar-bandar lain pun tidak ditinggalkan dari segi peruntukan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk sektor perkhidmatan kesihatan juga membanggakan saya terutamanya dari segi peruntukan kesihatan luar bandar yang mana telahpun dipertingkatkan daripada \$161 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat kepada \$228 juta untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelima dan ini juga seharusnya pihak Kerajaan diberi setinggi-tinggi penghargaan. Begitu juga dengan perkhidmatan pergigian dipertingkatkan daripada \$4 juta hingga kepada \$13 juta dan program Amalan Makanan dan Permakanan

juga dipertingkatkan daripada \$14 juta kepada \$30 juta. Ini semua kita yakin akan dapat dirasai oleh rakyat di luar bandar untuk menambahkan lagi taraf kesihatan mereka untuk menjadi rakyat jelata yang berguna dan berproduktif kepada negara. Tetapi saya ingin menyoal sedikit tentang mengapa pula peruntukan untuk perkhidmatan-perkhidmatan rawatan di hospital-hospital dikurangkan daripada \$471 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat kepada lebih kurang \$377 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima. Saya fikir ini juga ada tidak betul oleh kerana kita dalam zaman serba membangun ini perlu mendapatkan lebih baik rawatan di tempat-tempat tertentu. Maka sepatutnya peruntukan yang lebih banyak lagi diberikan bagi mempertingkatkan lagi peruntukan perkhidmatan-perkhidmatan rawatan di hospital-hospital bukan sahaja di dalam bandar tetapi juga di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sektor Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri, saya ingin mengambil masa sedikit untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan. Walaupun pada umumnya peruntukan itu hampir setengah, tetapi khusus untuk kita memerangi masalah rawatan dan pemulihan dadah dipertingkatkan daripada \$17 juta kepada \$70 juta bagi Rancangan Malaysia Kelima. Ini jelas menunjukkan betapa beratnya keutamaan diberi oleh pihak Kerajaan dalam kita menghadapi masalah penagihan dadah ini dan kita harap benar-benar pihak Kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk mencari apa sahaja jalan bagi menghadapi dan mengatasi masalah dadah ini yang benar-benar mengancam kita semua buat masa kini dan masa-masa muka.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit, sebanyak pendapat, teguran dan soalan yang dapat saya utarakan dalam Dewan yang mulia ini untuk

mendapatkan perhatian Menteri-menteri dan Kementerian-Kementerian yang berkenaan agar dapat memuaskan hati pihak saya dalam saya menyokong supaya pembentangan Rancangan Malaysia Kelima ini dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini. Dengan harapan dan doa agar segala perancangan dan program yang telah pun disusun sebaik rupa itu akan diberi segala perlindungan oleh Allah Yang Maha Esa jua dan agar setiap kita yang cintakan bangsa, cintakan negara dan agama akan memainkan peranan yang benar-benar serius dan ikhlas untuk mempertingkatkan lagi taraf hidup, dan pencapaian kita di semua segi; dan semoga dengan hasrat murni Kerajaan itu akan dapat menstabilkan lagi negara kita ini dan juga mewujudkan suasana yang penuh mesra, penuh semangat persaudaraan dan penuh semangat sanggup saling bantu-membantu di antara satu sama lain untuk mewujudkan perpaduan negara dan seterusnya integrasi nasional benar-benar menjadi kenyataan.

Kita yakin dan penuh confident dengan kemampuan Kerajaan dan parti pemerintah yang telah pun membuktikan kemampuan dan kebolehan mereka dalam mentadbirkan negara ini selama lebih daripada 28 tahun dan kita akan cuba sedaya upaya untuk berusaha bagi mengekalkan agar Kerajaan yang sebaik rupa ini akan mendapat kekal untuk terus memerintah negara ini dan menyusun lebih banyak lagi program-program bagi mempertingkatkan lagi taraf jelata semuanya.

Sekian, dan sekali lagi saya menyokong agar segala program dan rancangan yang telah pun dimaktubkan dalam Rancangan Malaysia Kelima sepertimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri tadi diterima dan diluluskan oleh Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom.

6.07 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di dalam Dewan yang mulia ini untuk sama-sama menyokong satu usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian sebentar tadi dalam meluluskan dan menyetujui Rancangan Malaysia Kelima untuk meneruskan usaha-usaha Kerajaan pilihan rakyat, untuk meneruskan pembangunan negara dan rakyat dan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang tujuan utamanya ialah untuk mencapai perpaduan negara dan mengekalkan keamanan dan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada sejarah Rancangan Pembangunan Negara. Sejak kita mencapai kemerdekaan 29 tahun yang lalu, kita sedar, sewaktu dilancarkan rancangan Buku Merah yang disebut Rancangan Pembangunan Luar Bandar, kemudian ditambah kepada Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan apabila negara kita menjadi sebuah negara yang lebih besar daripada Semenanjung Tanah Melayu kepada Malaysia di mana Sabah dan Sarawak berada di dalamnya maka dinamakan rancangan ini Rancangan Malaysia. Daripada Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Rancangan Pembangunan Negara Luar Bandar Yang Pertama, Yang Kedua, Rancangan Malaysia Ketiga, Rancangan Malaysia Keempat dan sekarang ini kita sedang berada di dalam ambang pintu untuk membahaskan, seterusnya menyokong dan meluluskan Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, 20 tahun yang lalu bukan satu masa yang pendek. Tetapi kalau kita sebut 20 tahun seolah-olah macam baru berlaku semalam. Sebab itu kita perlu menekankan, kita perlu menekankan kepada semua rakyat dalam negara kita falsafah Rancangan Pembangunan Malaysia ini kerana di akhir-akhir ini kepada mereka yang tidak ikut sama, kepada rakyat yang tidak ikut serta di dalam peringkat awal perjuangan mencapai kemerdekaan dan mereka lupa kepada sejarah, apa yang ada sebelum 31hb Ogos, 1957. Mereka hanya melihat apa yang ada pada hari ini, mereka hanya melihat apa yang berlaku lima, enam tahun yang lepas, maka timbullah perasaan, maka timbullah satu dilemma di dalam masyarakat kita di mana anak-anak muda pada hari ini tidak dapat menerima perkembangan, tidak dapat menerima kemajuan, tidak dapat menerima pembangunan yang dibuat oleh Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini. Sebab itu dalam angkatan muda, angkatan belia hari ini banyak yang mensia-siakan kemudahan-kemudahan asas yang tujuan asalnya dibuat untuk kemudahan rakyat.

Rancangan Malaysia Kelima ini adalah untuk menyambung, untuk meneruskan lagi usaha Kerajaan untuk memberi kemudahan kepada rakyat. Tetapi kerana rakyat tidak menyedari bagaimana susah payahnya cerdik pandai pegawai-pegawai Kerajaan menyusun rancangan, anak-anak muda tidak tahu bagaimana jerih-perihnya pegawai-pegawai atau golongan-golongan tertentu dalam negara yang menyusun, mengkaji, meneliti, forum demi forum, seminar demi seminar diadakan untuk dirumuskan menjadi satu Rancangan Pembangunan Negara, Rancangan Malaysia Kelima yang mempunyai matlamat dan tujuan. Perkara yang agitu susah dirangka digubal, digaris dan diminta kelulusan melalui Dewan

ini. Dewan ini yang akan meluluskan, Tuan Yang di-Pertua, maka barulah datang tahun 1986 akan membentangkan Belanjawannya, 1987 akan membentangkan Belanjawannya dan diminta Dewan ini yang akan meluluskan. Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang rakyat yang saya rasa mempunyai tanggungjawab kepada generasi yang ada sekarang dan generasi yang akan datang, sebab itu saya katakan falsafah Rancangan Pembangunan Malaysia Kelima (RML) ini perlu ditekankan kepada rakyat seluruhnya.

Perpaduan tidak akan wujud, integrasi nasional tidak akan wujud, konsep kejiranan tidak akan wujud, keharmonian kaum tidak akan wujud, kebahagiaan tidak akan wujud kalau falsafah pembangunan itu tidak difahami oleh rakyat. Ini terbukti kepada Rancangan Pertama, Kedua, Ketiga, Rancangan Pembangunan Negara dan luar Bandar. Berapa banyak kemudahan-kemudahan asas yang telah dilaksanakan, berapa banyak wang yang telah dicurahkan oleh Kerajaan yang Dewan Negara, Dewan Rakyat meluluskan, setiap Dewan Undangan Negeri meluluskannya, turun kepada badan-badan berkanun memintanya, turun kepada tenaga pelaksana melaksanakannya dan sampai kepada rakyat menerimanya. Tetapi sampai kepada penerimaan peringkat penerima itu, dilemma yang ada di hadapan kita ialah rakyat yang menerima tidak menerima dengan sepenuh hati dan tidak merasa syukur.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya gejala ini, jika sekiranya dilemma ini tidak dapat kita selesaikan, maka saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, Allah s.w.t. telah memberi amaran yang pertama, "Jika sekiranya kamu bersyukur, nikmat akan Kami tambah, jika kamu engkar akan nikmat ini, maka azab akan turun."

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya masa membenarkan, saya akan bercakap dalam perkara-perkara yang lebih teliti, yang lebih detail satu persatu. Tetapi saya lebih suka di peringkat permulaan ini, saya bercakap secara falsafah begitu. Bukan saya ahli falsafah, tetapi falsafah pembangunan ini perlu ditekankan kerana sekarang ini, kita lihat di dalam masyarakat kita, golongan rakyat kita, anak-anak muda terutama sekali anak-anak muda kita sama ada di bandar atau di luar bandar, kita nampak dan kita lihat sendiri mereka tidak menghargai sama sekali falsafah perjuangan kemerdekaan. Sehingga perkataan kalimah "merdeka" itu pun anak-anak kita sudah tidak kenal dan tidak menyebutnya, sedangkan bangsa kita selama 446 tahun dijajah, 446 tahun bangsa kita berjuang, 446 tahun datuk nenek kita menghunus senjata menyusun langkah dan barisan, baru merdeka 29 tahun. Jika sekiranya kita bandingkan dengan 446 tahun negara kita, bangsa kita dipijak-pijak, hasil kekayaan negara kita dipungah, diangkut dibawa balik ke negara penjajah Inggeris, Portugis, Belanda.

Baru 29 tahun kita merdeka, negara kita begini cantik, negara kita bagini indah, kurang dengan keindahan alam semula jadi, datang pula Persidangan PATA, taruk bunga manggar sepanjang jalan. Ini selingan, Tuan Yang di-Pertua. Kurang dengan keindahan alam semula jadi, bunga manggar dibuat. Apabila habis Persidangan PATA nanti anak-anak muda atau rakyat yang tidak bertanggungjawab, bunga manggar itu nanti akan menjadi kecaman dan saya percaya sampah bunga manggar itu akan menjadi rungutan Dewan Bandaraya.

Tuan Yang di-Pertua, kita dulu tidak kenal jalan raya. Orang yang berumur 50an macam saya, kita dulu tidak jumpa jalan raya. Pergi ke

sekolah jalan kaki, hujan sengseng seluar sampai ke lutut, pikul kasut, setengah-setengah keluarga basikalpun tidak punya.

Saya pergi ke sekolah Melayu pada masa itu masih pakai kain gombang, pakai kain sarung, pakai baju kurung, kepala cukur, botak kilat, tidak kenal uniform, tidak kenal KBSR, tidak kenal sekolah menengah, tidak kenal buku teks bantuan percuma, tidak kenal makanan panas di dalam rancangan AMP, tidak kenal apa-apa, hanya ingin belajar mengenal alif-bata, abc, 1-2-3 sampai 10.

Lulus Darjah V, kalau badan besar boleh masuk jadi mata-mata. Kalau pandai sedikit boleh jadi cikgu pelatih, gajinya \$41. Kalau pandai lagi boleh pergi ke Sultan Idris Training College, jadilah guru yang gaji matinya \$280, tidak ada sekolah menengah, tidak ada asrama, tidak ada politeknik, tidak ada vokasional, tidak ada SPM, tidak ada STPM, tidak ada SVPM dan tidak ada menara gading-menara gading itu ialah universiti.

Itu sebelum 1957. Anak-anak muda pada masa itu ditanamkan perasaan hormat menghormati dengan sopan santun, mempunyai akhlak budi pekerti yang luhur. Anak-anak muda pada masa itu kalau berumur 15-16 tahun diminta, kalau berjalan di mana-mana, kalau naik basikal, kalau ada orang tua berjalan, disuruh turun dari basikal, suruh turun dari basikal dan tanya makcik, kakak, nenek, hendak ke mana? Sebab pada masa itu tidak ada Honda, tidak ada Yamaha, tidak ada Suzuki, yang ada Triumph - AJS. Siapakah yang punya, Nazir Sekolah Melayu Batu Pahat, Allahyarham Syed Nasir itu baru pakai AJS 125 c.c. Ini keadaannya, Tuan Yang di-Pertua.

Hari ini baru 29 tahun merdeka, kemudahan hidup sudah begitu mewah. Bagi saya orang yang

dilahirkan zaman beras kapur, orang yang dilahirkan semasa getah menggunakan kupon, yang dibesarkan semasa Jepun bagi makanan ubi, tengah hari rebus ubi, petang lempeng ubi, malam ubi sagat, tidak ada Mat Candu, tidak ada Mahsuri jenis-jenis padi—tidak ada MR 42, itu tidak ada.

Hari ini, saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, kemewahan hidup telah sampai ke desa pendalaman. Alat perhubungan pada masa itu dikatakan “tetuang udara” yang ada hanya pada pihak-pihak tertentu. Kita di kampung kalau ada peti menyanyi, orang kampung kata “peti nyanyi”. Jadi peti menyanyi “cap anjing merah” digunakan.

Pada hari ini alat perhubungan awam sampai ke hutan sehinggakan di perkampungan Orang-orang Asli di daerah pendalaman Pahang pun sudah sampai alat-alat perhubungan media massa, tetapi mengapakah keadaan hari ini menilaikan pembangunan itu begitu mudah, begitu ringan dan diambil enteng?

Adakah matapelajaran tata negara di sekolah-sekolah itu tidak memadai untuk mengenalkan sejarah, sejarah negara kepada anak-anak, sejarah negara kepada penuntut-penuntut kita? Jadi kalau kita buat mahligai 40 tingkat, sedangkan mereka yang mendiami di dalam mahligai itu tidak mempunyai perasaan kesyukuran, saya takut mahligai itu nanti akan tumbang dicakar dindingnya. Sedangkan di setengah negara, kita tengok rakyatnya masih duduk di bawah payung daun lalang, berumahkan daripada binaan lumpur liat, tanah lumpur yang dijadikan dinding rumah, daun lalang yang dijadikan atap rumah, tetapi di dalam negara kita hari ini yang saya katakan tadi baru 29 tahun merdeka, perubahan begitu pesat, pembangunan begitu pesat, terlalu hebat.

Jika sekiranya seseorang daripada negara lain yang pernah datang ke negara kita 25 tahun yang lalu, hari ini dia datang semula ke negara kita, dia akan merasa kagum bagaimana Malaysia, bagaimana Kerajaan Malaysia, bagaimana rakyat Malaysia begitu pantas sekali mengadakan rancangan pembangunan untuk negara, untuk rakyat?

Sekalipun apabila kita duduk dalam Dewan ini, kita terpaksa bercakap dan bertanya: berapakah jumlah hutang negara dari sumber luar—\$60 ribu juta. Berapa jumlah hutang negara dari dalam negeri—\$40 ribu juta. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita tanyakan mengapakah negara perlu hutang begitu banyak. Ya, negara juga seperti satu keluarga, kalau mahu membesar, mahu membangun, perlu berhutang dan apabila negara lain yang masih percaya kepada kita, dia akan memberikan kepada kita kerana kita mempunyai kemampuan untuk membayar.

Pihak Kerajaan sanggup berbuat begitu untuk kepentingan rakyat dan negara. Tetapi rakyat yang kita berikan pembangunan ini, Tuan Yang di-Pertua, perlu kita tekankan supaya tidak menyia-nyiaikan projek pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di dalam negara kita, terutama di kawasan luar bandar, mereka masih mengatakan dan masih menyebut kalau dikatakan projek pembangunan ini ialah membuat jalan, memasukkan bekalan air dan memasukkan bekalan api, membina sekolah dan membina masjid, membina balai raya, dan kalau balai raya sudah kecil digantikan dengan Dewan Orang Ramai, mengadakan klinik desa atau pusat kesihatan kecil, dan kalau daerah itu telah membangun, maka diminta supaya diwujudkan satu hospital daerah di mana banyak Sekolah-sekolah Rendah maka dikumpulkan, perlu ada Sekolah Menengah Rendah, sekurang-kurangnya sehingga

Tingkatan III. Apabila ada 4-5 buah Sekolah Menengah Rendah, maka perlu ada Sekolah Menengah yang sampai ke Tingkatan VI, di mana kalau anak-anak daripada kampung itu jauh hendak pergi sekolah, maka minta diadakan asrama, sama ada asrama penuh ataupun asrama yang tidak penuh. Dan apabila telah wujud, telah lahir beberapa banyak anak-anak yang pandai, lulus di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran memerlukan kepada Pusat-pusat Pengajian Tinggi, mana yang tidak boleh dapat masuk ke Pusat Pengajian Tinggi dalam negeri dihantar ke luar negeri.

Kita dengar jawapan daripada Menteri dalam 46,000 anak rakyat kita yang telah balik daripada luar negeri. Ini jawapan hakiki, kerana jawapan yang diberi di dalam Dewan ini, berapa banyak belanja yang sudah digunakan untuk menyelamatkan memberi pelajaran kepada 46,000 anak-anak kita? Setelah itu bangunan pencakar langit yang ada di ibukota Kuala Lumpur ini baik di pusat-pusat perniagaan ataupun di Jabatan-jabatan, Kementerian-kementerian penuh diisi dengan anak-anak yang telah bijak pandai hasil daripada perjuangan kemerdekaan, hasil daripada Rancangan Pembangunan Luar Bandar yang Pertama, Rancangan Pembangunan Negara Luar Bandar yang Kedua, Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita renong dalam-dalam, saya membuat misalan di peringkat awal ini mengenai tuntutan gaji oleh kakitangan awam. Saya katakan tadi masa saya jadi guru sekolah Melayu sebelum merdeka gaji \$41, kemudian saya bertukar ke Jabatan Kerajaan gaji masuk \$192 mati \$450. Pada masa itu ada COLA \$20 kalau tidak salah, ini cerita 20 tahun dahulu.

Saya hubungkan dengan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di beberapa tempat, Kerajaan tidak ada duit, Kerajaan tidak mampu hendak menunaikan permintaan tuan-tuan sekalian sehingga Perdana Menteri pernah bercakap, mungkin tahun hadapan kita tidak mampu hendak membayar gaji. Tetapi desakan terus mendesak, desakan terus dibuat dengan ugutan.

Saya tidak menyalahkan yang meminta sebab yang meminta itu hak dia meminta, haknya meminta, memang hak kita meminta, tetapi sebagai orang yang bertanggungjawab untuk menunaikan tuntutan itu tidak mampu. Apa kita hendak katakan, adakah kita akan meruntuhkan binaan yang kita bina 29 tahun ini? Kesedaran ini yang kita perlu, keinsafan ini yang kita perlu. Minta siapa tidak mahu minta, Ahli-ahli Dewan Negara inipun kalau cukup duit hendak minta tambah lagi. Tidak cukup, dengan adanya ini, Tuan Yang di-Pertua, orang minta derma surau, masjid, Maulud Nabi, Israk Makraj, hari ucapan, hari ibu bapa, di padang bola semua minta oscar-oscar, sekarang benda itu semua mahal, kalau dahulu piala dapat harga \$4.50, sekarang paling kurang piala yang boleh dibuat hadiah pusingan \$40.00, kalau 10 buah sekolah minta sudah berapa? Kalau hari ucapan satu kawasan, tempat saya duduk itu ada 60 buah sekolah macamana? Kerana ada Yang Berhormat Senator minta hadiah pusingan sekurang-kurangnya yang nombor 3 asal tidak kecil sudahlah, tidak kecil maknanya minta yang besar.

Apabila minta yang besar ditanya: Itu hari diberi pada sekolah awak apa macam? Adalah harga \$50. Jadi kita pun hendak minta harga yang \$50, ini juga ada dilema, kami juga ada dilema, tetapi kami sedar itu semua memang Kerajaan kita kehendak masyarakat, sungguhpun kami yang di

sini ini tidak diundi, tidak perlu undi, tetapi kami sedar itu. Jadi inilah kalau 800,000 pegawai dan kakitangan Kerajaan ini, saya menyusun 10 jari, saya menyusun 10 jari memohon agar sama-sama kita merenong, sama-sama kita berfikir dengan perasaan yang lapang di dada, dengan perasaan tasamuh, dengan perasaan sikap bertoleran, dengan perasaan rasa kasih sayang kepada negara. Apakah kiranya sama-sama kita bermohon, sama-sama kita berdoa kepada Allah supaya harga kelapa sawit naik satu metrik tan \$2,000 supaya minyak satu tong naik sekian ratus, supaya pasaran bijih timah di pasaran dunia melambung tiga kali ganda. Pada masa itu layak hak kita meminta kepada Kerajaan, meminta kepada pemimpin, meminta kepada orang yang menjadi payung kepada kita dan kalau kita minta kepada yang ada, dan mengadu kepada yang kasih - insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh 15 tahun yang lalu atau sepanjang tempoh 20 tahun yang lalu kemudian apabila kita renong semula sejak tahun 1969, apabila keadaan darurat dalam negara kita meletus, peristiwa berdarah 13 Mei yang menghasil daripada kejadian itu, menghasilkan Dasar Ekonomi Baru.

Dasar Ekonomi Baru bertujuan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat dengan tidak mengira asal keturunan. Tahun 1969, tahun 1970, 15 tahun kemudian juga sekiranya Dasar Ekonomi Baru ini, falsafahnya telah difahami oleh pemimpin-pemimpin dan difahami oleh rakyat, maka Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam ucapannya sewaktu membuka Sidang Parlimen pada 10hb Mac yang lalu tidak meminta dan tidak menggesa kepada para pemimpin supaya jangan memainkan api perkauman.

Saya mengambil erti di sini, Tuan Yang di-Pertua, ertinya ada pemimpin-pemimpin di dalam negara kita ini yang tidak memahami falsafah Dasar Ekonomi Baru yang tujuannya mahu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum itu tidak faham, kerana mereka masih melaung-laungkan, masih menyebut-nyebutkan kaum aku, kaum aku. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan tegas di dalam Titahnya sewaktu membuka sidang Parlimen ini meminta supaya kita mengurangkan ucapan-ucapan yang boleh menaikkan semangat perkauman. Maka di situ ditanamkan pula satu perasaan perpaduan negara, integrasi nasional, tetapi ini tidak akan mantap seperti jawapan di dalam Dewan ini juga. Amerika sendiri memakan masa 200 tahun, Amerika Syarikat memakan masa 200 tahun untuk menanamkan perasaan ke Amerikaaan rakyatnya.

Sehingga sekarang ini orang yang berwarna putih, kuning, hitam di Amerika itu mengaku "American". Kita baru 29 tahun merdeka, kita baru 15 tahun berada di dalam suasana Dasar Ekonomi Baru yang mahu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Ertinya kalau Amerika itu kita katakan orangnya bijak pandai memakan masa 200 tahun maka kita memerlukan masa yang lebih jauh dari Amerika untuk menghilangkan perasaan mempunyai suku dan kaum.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, di dalam masyarakat kita sekarang ini apabila kita tidak ada suku kaum, kita rakyat Malaysia, kita menerima pada dasarnya. Tetapi jangan lupa Allah s.w.t. di dalam Al-Quran berfirman, yang maksudnya bahawasanya, "Allah s.w.t. tidak mengubah nasib satu-satu kaum, hatta kaum itu berusaha berikhtiar membuat perubahan".

Jadi, kalau di dalam negara kita sekarang ini ada suara-suara yang menyatakan bahawa perjuangan

perkauman itu "Asyabiah". Kalau saya kata yang Amerika tadi mengambil masa 200 tahun maka kita memerlukan masa yang panjang lagi untuk hendak membahaskan mengenai perjuangan secara "Asyabiah", hendak memperkenalkan perjuangan hasrat cita-cita satu kaum, maka hendak dikumpulkan menjadi satu bangsa di dalam sebuah negara, bukan satu perkara yang mudah dan ringan. Memang memerlukan kepada semangat pengorbanan, semangat perjuangan yang kuat, yang hebat yang akan memakan korban yang tidak sedikit. Jadi, apabia memakan korban, memerlukan kepada pengorbanan maka ada di antara kita yang merasa terguris di hati, merasa terusek di kalbu.

Untuk hendak menanamkan perasaan integrasi nasional ini supaya jangan diungkit-ungkit pengorbanan. Kalau saya hendak menyebutkan pengorbanan orang Melayu, amat banyak. Itu kalau saya mengungkit, tetapi nanti saya termasuklah ke dalam orang yang anti kepada integrasi nasional, anti perpaduan. Pengorbanan orang Melayu sejak 400 tahun dahulu sehingga saat ini tidak ternilai. Tetapi kerana keturunan Melayu, lapang dada, tasamuh, mari kita hidup bersama

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil Titah Di Raja supaya para pemimpin jangan memainkan lagi ucapan-ucapan yang masih berbau perkauman. Ini bahaya. Kita pernah belajar daripada Peristiwa 13 Mei. Ekoran daripada itu kita kembali bersyukur kepada Allah. Walau apa pun agama kita, walau apa pun keturunan kita, kita bersyukur kepada Allah yang telah menjadikan Malaysia ini sebuah negara yang baik. Sebuah negara yang makmur, sebuah negara yang dapat memberi perlindungan kepada siapa sahaja yang datang ke mari, sama ada bumi atau bukan

bumi, sama ada pendatang halal atau pendatang haram bernaung hidup di bumi Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini nikmat Allah s.w.t. beri kepada negara kita. Mengapa ada orang yang tidak merasakan nikmat ini. Sepatutnya dibalas dengan satu rasa cinta kepada negara kita. Hendak menunjukkan rasa cinta kepada negara ini, inilah matlamat Rancangan Malaysia Kelima ini seperti mana ucapan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat dan ucapan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia baru sebentar tadi di Dewan ini untuk meneruskan usaha-usaha perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, ini mengandungi pengajaran, ini mengandungi pelajaran yang perlu kita selam sedalam-dalamnya dengan perasaan yang rasa insaf terhadap negara kita. 12 bulan sepanjang tahun kita tidak pernah dilanda banjir yang menelan jiwa manusia. Dalam negara kita tidak ada banjir yang boleh menumbangkan bangunan pencakar langit sujud ke perut bumi.

Di dalam negara kita tidak ada puting beliung yang meranapkan tumbuh-tumbuhan. Di dalam negara kita tidak ada gunung berapi yang memuntahkan lahar. Ini sudah cukup. Tidak ada tiga mala petaka alam yang besar ini sudah cukup. Kalau adapun banjir-banjir hanyalah di kawasan-kawasan rendah, kerana sungai yang tidak dijaga, sungai yang tohor penuh dengan sampah sarap. Ini kenalah orang yang jaga sungai ini betulkan.

Kalau ada puting beliung yang menyebabkan 4-5 buah rumah yang terbang atap, esok pagi-pagi Jabatan Kabajikan Masyarakat datang bawa selimut, bawa sadin, bawa biskut. Berapa baik negeri kita sampai di bahas di dalam Dewan tidak bolehkah bantuan itu dilebihkan lagi. Kalau duit makin banyak, boleh tambah lagi.

Ini dalam negara kita tidak ada kemarau yang memakan masa berbulan-bulan sehingga terbakar ladang-ladang seperti yang berlaku di beberapa buah negara, ladang tebu terbakar, hutan simpan terbakar berbulan-bulan tidak boleh dipadam. Kita kalau ada pun kemarau hanyalah empat bulan sahaja seperti yang berlaku di sebelah utara baru-baru ini. Sekarang hujan sudahpun mulai turun, bumi telah basah, bumi telah mulai senyum. Apabila bumi telah mulai merkah, senyum maka akan tumbuh tumbuh-tumbuhan yang menghijau. Maka dapat rezekilah manusia, unggas dan mergastua.

Tetapi manusia yang mempunyai perasaan akhmak, tamak, gelojoh, dicampur dengan hasat dengki, khianat, tidak berterima kasih, seolah-olah apa yang ada ini semua tidak ada. Seolah-olah apa jua pembangunan yang dibuat semua tidak betul, semua tidak guna, semua tidak ada faedah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah hadis, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, yang maksudnya, "nikmat Allah s.w.t. hendaklah engkau syukuri, kalau engkau engkari nikmat itu kau kufur". Kufur nikmat. "Sesiapa yang tidak bersyukur yang sedikit, nescaya nanti dia tidak akan bersyukur kepada yang banyak".

Diberi \$35 tidak cukup, nanti beri \$70 pun tidak cukup. Itu misalnya. Beri jalan ½ batu tidak cukup, beri 3 batu tidak cukup; beri jambatan kecil tidak cukup, beri jambatan besar pun tidak cukup, tidak betul. Beri jambatan kecil tidak betul, beri jambatan besar macam Jambatan Pulau Pinang itu pun tidak betul.

Allah berfirman yang bermaksud, "Siapa yang tidak bersyukur sesama manusia, nanti dia tidak bersyukur kepada Allah". "Bersatu itu mendatangkan rahmat dan berpecah belah itu akan mendatangkan azab".

Ini konsep. Saya rasa tidak lari daripada matlamat Rancangan Malaysia Kelima. Perpaduannya, rasa terima kasihnya menggunakan apa yang telah diberi, bersatu padu - perpaduannya, keharmonian, integrasi nasionalnya, mengenangkan jasa pemimpin-pemimpin, mengenangkan jasa pembangunan yang telah diberi yang baru 29 tahun dilaksanakan ini, terkandung di dalam hadis ini.

Kita kena mempelajari, dalam Al-Quran Allah berfirman lagi yang bermaksud, "Jangan sekali-kali engkau membuat rosak di muka bumi ini, setelah bumi diperbaiki". Makna zahir dari ayat ini, saya ambil makna zahir, kalau kita kaji mendalam ayat ini, maknanya setelah bumi ini taufan seperti di zaman Nabi Allah Noh, kering air, kapal Nabi Allah Noh tersadai di Bukit Tursina, maka hidup balik umat manusia sampailah kepada kita. Kita bawa kepada negeri kita ini setelah negara kita ini rosak, 400 tahun dilanda oleh cengkaman penjajah. Bahaman, Dol Said, Datuk Naning, Mat Kilau, Tok Gajah, Imam Rasul, Tok Janggut, Rosli Dubi di Sarawak, Panglima Mat Salleh di Sabah, Datuk Paduka Maharajalela yang membunuh Birch di Pasir Salak, mereka sudah tahu ini. Rupanya mereka ini telah tahu bahawa berjuang itu adalah wajib. Mereka telah berjuang terlebih dahulu untuk menyelamatkan negara. Berapa banyak putera puteri seri kandi tanahair yang telah mencurahkan darahnya ke bumi tercinta ini, selama 400 tahun.

Kita yang ada pada hari ini menerima pesaka dari dulang perak. Kita menerima pesaka, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman apabila memegang jawatan Perdana Menteri berucap. Dalam ucapan yang pertamanya, setelah kita merdeka, "Maka sekarang ini kerja kita, tugas kita yang utama ialah mengisi

kemerdekaan negeri ini". Mengisi kemerdekaan. Kehendak rakyat perlu diisi, permintaan rakyat perlu ditunaikan kerana itu janji manifesto Perikatan dalam Pilihanraya tahun 1959. Rancangan Pembangunan negara dan Luar Bandar yang pertama dilancarkan Buku Merah.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali kalau kita pergi ke Arkib Negara, baru orang teringat ini, pergi ke Arkib Negara barangkali ucapan Yang Teramat Mulia Tunku itu kalau dibunyikan melalui alat pembesar suara, terdengar, tetapi orang yang dengar semua berkata, "Ah! itu ucapan Tunku pada tahun 1959! Sekarang lain, sekarang mesti ada perubahan, mesti berani mahu drastik, mesti mahu radikal sedikit, kalau perlu estreme sedikit, kalau perlu lawan, peduli apa! Ini yang berlaku sekarang.

Ucapan Yang Teramat Mulia Tunku dalam tahun 1959 itu sekarang ini menjadi hujah kepada anak-anak kerana mereka tidak sama-sama memikul victory kempen pilihanraya 1955 untuk memilih 51 ahli Dewan Undangan Federal, tidak menyinging seluar, bagaimana kempen ke kampung-kampung yang tidak ada jalan, tiada jambatan, tiada kenderaan, tiada apa. Jadi, hari ini kalau ada pilihanraya besok, lusa, bukan kita menyatakan apa platform, apa rancangan yang hendak dibuat, sebaliknya akan terkeluarlah daripada lidah-lidah rakyat Malaysia mencaci maki apa yang dibuat selama 29 tahun ini semuanya tidak betul, merugikan rakyat, wang rakyat habis, ini projek membazir, tidak ada guna.

Kalimah itu kalau didengar oleh rakyat biasa yang duduk di tepi-tepi bandar, yang duduk di sekeliling bandar ataupun yang duduk di dalam bandar tertanya kerana di sana akan berlaku pertarungan, satu perasaan mahu hidup senang, mahu hidup mewah dengan desingan suara yang

mengatakan, apa ini, setelah merdeka 29 tahun kita hidup makin susah, makin susah, makin susah. Cukai makin naik, cukai itu, sewa ini, ke mana sahaja melangkah ada cukai. Ke mana sahaja melangkah, salah langkah surat saman sampai. Mengapa setelah merdeka rumah tidak cukup, jalan berlubang, api padam, air tidak sampai. Tetapi dalam Buku Kuning yang begini cantik yang dirangka oleh sebahagian daripada rakyat kita yang diberikan peranan bertugas untuk merangka Buku Rancangan Malaysia Kelima untuk 1986-1990 ini, kita tidak sampaikan kepada rakyat. Ini tanggungjawab kepada media massa. Ucapan yang macam ini, orang suratkhbar tiada, tidak keluarlah dalam suratkhbar! Kalau ucapan yang menghentam, keluar sahaja. Itu juga satu mentality, itu juga satu cara pemikiran.

Apabila kita kata begitu, tiada kebebasan akhbar, apabila tiada kebebasan akhbar, apabila kita hendak membawa satu Undang-undang Pindaan kepada Akta Rahsia, hendak boikot. Sedangkan Undang-undang Akta Rahsia itu ada berhubung kait dengan lain-lain perkara. Bukan mengenai dengan Wartawan yang menulis kesah pembungkaran rahsia sahaja, ini termasuklah kepada bagaimana Kertas Tender dekat Pejabat JKR itu boleh pergi ke belakang kantin. Itu juga membocorkan rahsia Kerajaan. Macam mana Kertas Tender boleh pergi ke belakang kantin, boleh pergi ke belakang tandas pula di sana, ada orang yang menyalinnya pula untuk hendak tahukan harga tender yang dapat dahulu yang bangunan yang sama berapa nilainya. Ini juga termasuk dalam orang yang membocorkan rahsia Kerajaan. Bagaimana keputusan satu-satu mesyuarat yang belum lagi dirasmikan, diputuskan telah dibocorkan sampai keluar. Ini juga akan dikesan.

Sekarang bukan sahaja tape itu berada di depan kita, sekarang ini tape dipasang tiga batu di atas bukit sana pun dia boleh tangkap.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, masa kita sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari Isnin nanti.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 14hb April, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.